

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATUK WAN MUSTAMA WAN ABDUL HAYAT  
BEKAS PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU MENGENAI  
TOKOH ANUGERAH GURU PAHANG 2016

OLEH:

NIK MUHAMMAD ADIB AIMAN BIN NIK YAHYA	2019705271
NUR UMIRA HUSNA BINTI MAT RAWI	2018261092
NORNISRINA BINTI NORDIN	2018235256

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OCT 2020 – FEB 2021)

## **PENGHARGAAN**

Assalammualaikum warahmatullahhiwabarakatuh. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat nafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi baik sebelum mahu pun selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya pensyarah kami Madam NurulAnnisa Binti Abdullah untuk subjek IMR604 Pendokumentasian Lisan yang telah mencerahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Tokoh yang kami hormati, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kesudian beliau memberi kerjasama serta berkongsi ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami serta rakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan sepanjang proses dalam menghasilkan serta menyiapkan projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	1
Biodata Tokoh	2
Pengenalan	3
Transkrip	4
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh	4
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	7
Bahagian 3: Sejarah/Pengalaman Di Zaman Universiti	10
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya	13
Bahagian 5: Percapaian	24
Bahagian 6: Sumbangan	28
Bahagian 7: Harapan	33
Rujukan	36
Lampiran	37
Log Wawancara	37
Diari Kajian	38
Senarai soalan	45
Surat Perjanjian	50
Gambar	51
Indeks	52

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temubual ini dilakukan bersama Bekas Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan, Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan Guru di Kementerian Pendidikan. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian di platform Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 10 November 2020 bermula pada jam 12.00 tengahari hingga 2.30 petang. Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat adalah pernah menjadi pengetua sekolah, ketua sektor di Jabatan Pelajaran Negeri Pahang (JPNP) dan pengurusan peringkat kementerian selama 32 tahun. Beliau memulakan kerjaya sebagai pendidik selepas memperoleh Diploma Pendidikan (Pengajian Melayu) dari Universiti Kebangsaan Mara (UKM) pada 1 Julai 1976 sebelum mula mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panglima Garang Abdul Samad, Budu, Lipis. Datuk Wan Mustama pernah menerima penghargaan sebagai guru cemerlang dan Anugerah Kualiti Daerah Maran pada 1992. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai penolong kanan dan pengetua di beberapa sekolah menengah di Maran, Raub dan Pekan serta Pegawai Pelajaran Raub pada 1999 dan Kuantan pada tahun 2008. Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat dipilih sebagai Tokoh Kepimpinan Pendidikan Guru peringkat daerah. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat semasa berkhidmat dengan Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata Kunci: *Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat, Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang (JPNP), Tokoh Kepimpinan Pendidikan Guru*

## **BIODATA TOKOH**

### **BIODATA RINGKAS**

**DATUK WAN MUSTAMA WAN ABDUL HAYAT**

**BEKAS PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU (BPG)**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN PAHANG**

**TOKOH GURU PAHANG 2016**



#### **1. BUTIR-BUTIR PERIBADI:**

- i. Nama : DATUK WAN MUSTAMA WAN ABDUL HAYAT
- ii. Tarikh Lahir : 09/11/51
- iii. Tempat Lahir : No 3,Lorong IM 14/23, Taman Mahkota Perdana,  
25200 Kuantan.
- iv. Bidang : Guru

## PENGENALAN



Jabatan Pendidikan (Pelajaran) Negeri Pahang (JPNP) adalah jabatan yang menguruskan perkara yang berkaitan pendidikan di seluruh Negeri Pahang. JPNP kini terletak di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan telah wujud sejak tahun 1913. Sebelum ini, JPNP terletak di bangunan Wisma Sri Pahang, Kuantan dan kemudiannya dipindahkan ke Alor Akar pada tahun 1983 sehingga awal tahun 2006. Pada bulan Mac 2006, JPNP telah berpindah ke bangunan baru yang terletak di Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Bilangan kakitangan di jabatan kini melebihi 300 orang yang terdiri dari guru dan bukan guru. Pengarah Pelajaran Negeri Pahang yang pertama ialah dipimpin oleh C.G Sollis.

## TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang perguruan. Bersama-sama kami ialah Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat yang merupakan seorang Tokoh Guru Pahang pada tahun 2016. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 16 Januari 2021 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 9 pagi secara atas talian bertempat di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nik Muhammad Adib Aiman bin Nik Yahya, Nur Umira Husna Binti Mat Rawi dan Nornisrina Binti Nordin. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### PETUNJUK:

DWM : Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat

NN : Nornisrina Binti Nordin

NUH : Nur Umira Husna Binti Mat Rawi

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NUH: Assalamualaikum Datuk ---**

DWM: Waalaikumsalam warrahmatullahiwabaratuh ---

**NUH: Kami ingin bertanya mengenai latar belakang Datuk, boleh Datuk nyatakan nama penuh Datuk?**

DWM: *Okay [Baiklah], aaa [sedang berfikir] []* terlebih saya ingin mengucap terima kasih kerana memilih saya untuk terlibat dalam program *you all* [kamu semua]. Jadi saya cuba setakat saya mampu untuk membantu, melicinkan lagi aaa [sedang berfikir] peranan ataupun usaha anda semua untuk menyediakan kertas kerja ini. Nama saya, nama penuh saya ialah Wan Mustama Bin Wan Abdul Hayat, *Okay [Baiklah]? Ada lagi?*

**NUH: Bilakah tarikh lahir Datuk?**

DWM: *Okay [Baiklah], Tarikh lahir saya ialah Sembilan November Sembilan Belas Lima Puluh Satu [9/11/1951]* di sebuah kampung di Kampung Kemahan, Kuala Lipis, Pahang. Sebuah kampung perdalamannya-lah. *Okay [Baiklah]...aaa [sedang berfikir]* dari keluarga yang

miskin-lah, keluarga orang kampung, ayah saya kerja kampung dan sebagainya, *tak ada* [tiada] kerja tetap masa *tu* [itu]. *Okay* [Baiklah]?

**NUH: Dimanakah Datuk dilahirkan serta dibesarkan?**

DWM: Sebagaimana yang saya kata tadi, saya dilahirkan di sebuah kampung, nama kampung *tu* [itu] kampung kemahan, aaa [sedang berfikir] di dearah kuala lipis. Saya dibesarkan di kampung *tu* [itu] Bersama ayah dan ibu tiri saya dan beberapa orang adik beradik lagi. *Okay* [Baiklah]... aaa [sedang berfikir] saya sekolah di kampung itulah sehingga saya melanjutkan pelajaran ke sekolah di bandar.

**NUH: Jadi, dimanakah tempat menginap Datuk sekarang?**

DWM: Sekarang, saya...aaa [sedang berfikir] menetap selpas penceh di Indera Makhota *empat belas* [14] dalam bandar Kuantan, Kuantan, Pahang...*Okay* [Baiklah]? Kampung saya asal *Lipis* [Kuala Lipis] tapi saya menetap di Kuantan.

**NUH: Sebelum itu, dimanakah tempat lain yang pernah Datuk menginap?**

DWM: Tempat lain? *Okay* [Baiklah]...sebahagian besar daripada tugas saya sebagai pendidik, jadi keseluruhan kerjaya saya menyebabkan saya banyak...apa...berpindah randah dan tempat tinggal saya bergantung pada tempat kerja, *Okay* [Baiklah] contohnya saya banyak, banyak daripada saya masa saya, masa saya kerja di Kuala Lipis, Raub, Marang, Pekan dan juga di Kuala Lumpur sendiri, di Putrajaya, jadi tempat tinggal saya, bergantung dari tempat kerja. *Okay* [Baiklah]?

**NUH: Baik, Berapakah bilangan adik beradik dalam keluarga Datuk?**

DWM: Saya ada, ayah saya khawin *dua* [2] setelah ibu saya meninggal, *satu* [1] ibu dengan *satu* [1] ayah, saya ada *empat* [1] adik beradik dengan ibu lain ada *tujuh* [7], jadi semua *sebelas* [11]-lah, *sebelas* [11] adik beradik.

**NUH: Dan Datuk anak yang ke berapa?**

DWM: Kira susunanya, anak keempat, anak keempat daripada *sebelas*. [11]

**NUH: Adakah Datuk mempunyai nama timbangan semasa kecil?**

DWM: aaa [sedang berfikir] Tidak ada... kalau saya bagi sekarang, susah nak *eja* [ejaan]. [ketawa] Saya pun tak *tau* [tahu] macam mana nak *eja* [ejaan]... Uda..Udun..Udun..Uda..Uda.. itu nama masa kecil-lah, Ayah saya selalu sebut tapi adik beradik saya sampai pun jarang

sebut-lah, Cuma aaa dah besar sikit, orang selalu panggil saya Tama, sampai sekarang kekal nama *tu* [itu].

**NUH: Boleh Datuk bagi nama Ibu dan Ayah Datuk?**

DWM: *Okay* [Baiklah], nama ayah saya Wan Abdul Hayat, nama ibu saya Wan Perak..P..E..R..A..K.. Perak saya pun sempat bersama dia, umur *empat* [4] tahun ja. Ibu tiri saya Puan Sri Giat nama dia...lebih kurangnya kira... macam angap ibu saya-lah. Ibu saya yang sebenar meninggal semasa saya kecil lagi. *Okay* [Baiklah].

**NUH: Perkerjaan ibu dan bapa Datuk semasa membesarakan Datuk?**

DWM: Ayah jadi kerja kampung *je* [sahaja], penoreh getah, ibu pun tidak ada, suri rumah sepenuh masa, kerja-kerja kampung-lah, orang kampung, kerja...kampung susah nak cerita...petani *camtu lah* [macam itulah], tanam padi, kutip-kutip buah-buahan, tanam sayur...jaga rumah...tiada kerja tetap..orang kampung.

**NUH: Datuk mendirikan rumah tangga pada tahun berapa?**

DWM: Saya berkhawin dengan isteri saya sekarang pada tahun *Sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] Ketika umur saya *dua puluh tujuh tahun* [27].

**NUH: Boleh bagitau nama penuh isteri Datuk?**

DWM: Nama penuh isteri...Hakma binti Mohammad... Hakma binti Mohammad.

**NUH: *Okay* [Baiklah], pada hari perkawinan itu, Datuk dikurniakan berapa cahaya mata?**

DWM: Sekarang...semua-lah anak saya *lapan* [8] orang, *empat* [4] lelaki, *empat* [4] perempuan.

**NUH: Boleh Datuk nyatakan nama-nama anak Datuk serta status mereka sekarang-lah?**

DWM: Anak-anak yang sulung, Wan Azlin Izma, dah berkhawin, ada anak *tiga* [3], dia seorang guru. Anak yang kedua Wan Nur Azmi, juga seorang guru, ada anak *tiga* [3]..., yang ketiga, Wan Idiani Yusrina, dia juga seorang guru, sudah berkeluarga, ada juga *tiga* [3] anak..., yang keempat Wan Khairul Hisam, kerja sendiri, dia *bisnes* [pengusaha], khawin dengan orang Pulau Penang duduk di Penang..., yang kelima, Wan Nurul Izam ada duduk di Kuantan ini, dia kerja pos..., yang *kelima* [yang keenam], lelaki, Wan Saiful Azami, berkeluarga juga dah khawin, ada anak dua, seorang guru, ada *empat* [4] guru ya. Yang keenam seorang lelaki, Wan Muhamad Faiz, dia berkerja dengan syarikat pembinaan. Yang bongsu berada bersama saya, yang kelapan, Wan Abdul Haji, kerja sendiri sahaja,

dia meneman saya sahaja, umur *dua puluh tiga* [23]. Itu lebih kurang lah, cucu jadi *lima belas* [15]-lah semua.

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

NN: *Okay* [Baiklah] saya teruskan, berkenaan dengan sejarah pendidikan, boleh Datuk ceritakan kepada kami dimanakah Datuk mendapat pendidikan awal?

DWM: *Okay* [Baiklah], aaa [sedang berfikir] darjah *satu* [1] sampai darjah *enam* [6] saya belajar di kampung di sekolah kebangsaan di kampung saya Kampung Kemahang lepas *tu* [itu] saya tingkatan *satu* [1] di Sekolah Menengah Clifford Kuala Lipis daripada tingkatan *satu* [1] hingga tingkatan *aa* [sedang berfikir] *lima* [5]. *Pastu* [selepas itu], saya pergi ke Alam Shah di Cheras Kuala Lumpur. Tingkatan *enam* [6] *enam* [6] bawah dan *enam* [6] atas selama *dua* [2] tahun di Alam Shah. *Pastu* [selepas itu] saya masuk universiti, *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM] tahun *sembilan belas lima puluh dua* [1952]. *Okay* [Baiklah].

NN: *Okay* [Baiklah] dan pencapaian Datuk semasa peringkat sekolah?

DWM: Aaa [sedang berfikir] tak ingat dah tapi saya lulus semua *periksa* [peperiksaan] la. Masa itu dari sekolah rendah ke sekolah menengah kena menduduki peperiksaan sape gagal *tidak* [tidak] boleh pergi sekolah menengah, masa zaman saya. Jadi dari kampung *tu* [itu] ada *dua* [2] orang *je* [sahaja] yang lulus, saya dengan kawan saya yang *sorang* [seorang] dan lepas itu tingkatan *tiga* [3] lulus dengan baik, *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM] juga lulus dengan baik. Saya di pada masa itu adalah merupakan batch yang *ketiga* [3] menduduki peperiksaan *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM] aliran melayu. Batch *ketiga* [3] di negara kita la, peringkat awal tahun *sembilan belas enam puluh lapam* [1968] saya ambil *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM] dan berjaya pergi Alam Shah. Nak pergi Alam Shah masa itu pun payah, orang-orang yang bagus sahaja [Ketawa]. *Okay* [Baiklah]?

NN: *Okay* [Baiklah] untuk soalan seterusnya, bagaimana Datuk pergi ke sekolah? Sama ada jalan kaki ke basikal ke kereta ke motor ke atau naik bas?

DWM: [Ketawa] *Okay* [Baiklah], Kampung Kemahang ni sebuah kampung pedalaman, em kampung yang terperincil. [Batuk] Rumah saya *aa* [sedang berfikir] jarak dia dengan sekolah rendah tu lebih kurang em *dua* [2] batu *dua* [2] batu atau *empat* [4] kilometer. Jalan kaki *je* [sahaja]. Saya jalan kaki melalui denai melalui kebun getah. Jadi memang sukarlah, kalau difikirkan mungkin setengah orang tak pergi sebab pagi-pagi kena merentas hutan, meredah kampung rumah-rumah pun takde masa itu, tahun 60-an *Okay* [Baiklah]. Jadi, memang sukarlah *takde* motor *takde* basikal *takde* [tidak ada]. Motor jauh sekali, jalan raya

*takde* [tidak ada]. Er itulah keadaan kami masa itu, *you all* [kamu semua] ni bertuah lah takde keadaan macam tu sekarang ni.

NN: **Haha [ketawa] Okay [Baiklah] untuk soalan seterusnya, dalam bidang akademik semasa dizaman sekolah, subjek apakah yang paling diminati dan paling tidak diminati oleh Datuk?**

DWM: [Ketawa kecil] Saya minat aa [sedang berfikir] Bahasa Melayu, Sastera kemudian yang saya *tak* [tidak] suka Matematik la. Sampai sekarang---

NN: **Sama la Datuk. Sama sama.**

DWM: [ketawa]. Masa tu dia tak sebut Matematik, tau apa yang dia sebut? [bertanya kepada kami]. Mata pelajaran ilmu hisab, *Okay [Baiklah]* aa jadi ilmu hisab. Tak pernah dengar ke? [bertanya lagi kepada kami].

NN: **Tak.**

DWM: Tak pernah dengar? Matematik ni dia kemudian dah, mana ada zaman saya tak sebut kot Matematik tu---

NN: **Oh.**

DWM: Jadi memang saya aa [sedang berfikir] *Sijil Rendah Pelajaran* [SRP], masa itu *Sijil Rendah Pelajaran* [LCE] *failed* [gagal] Matematik, aa [sedang berfikir] *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM] pun *failed* [gaga] Matematik. Memang lemah la. Sampai sekarang pun malas nak fikir.

NN: **[Ketawa kecil] Semua tak suka Matematik.**

DWM: Aaa, *lani* [sekarang ini] nasib baik ada kalkulator tu, kalau tidak payah nak kira.

NN: **Haa itulah. Okay [Baiklah], dalam bidang kurikulum pula, adakah Datuk aktif dalam mana-mana persatuan dan terlibat dalam sukan?**

DWM: Saya masa sekolah, sekolah rendah saya aktif semua la macam biasa. Masa itu bukan macam sekarang ni. Jadi, kami main bola. Bila sekolah menengah, saya lebih focus kepada sepak takraw, sepak raga kemudian aa [sedang berfikir] aktiviti-aktiviti gimnastik masa itu. Yang lain-lain pasukan beruniform masa saya sekolah lebih kepada banyak saya tumpu kepada pengakap la. Itu pun tidak aktif sangat. *Okay [Baiklah]*?

NN: **Okay [Baiklah] Datuk. Soalan seterusnya, siapakah teman persekolahan yang paling diingati dan masih rapat sehingga sekarang?**

DWM: Tak print haritu soalan kalau tidak senang. Apadia ? [meminta untuk diulangi soalan]

NN: **[mengulangi soalan] Siapakah teman persekolahan yang paling diingati dan masih**

**rapat sehingga sekarang?**

DWM: Aa [sedang berfikir] ramai la, kawan-kawan di sekolah menengah, ramai dan sebut satu-satu aa [sedang berfikir] susah sikit la, tapi sehingga sekarang kami berhubung ada group Whatsapp dia, aa [sedang berfikir] nak nama ke? [meminta kepastian] nak nama?

NN: **Sorang je [ketawa kecil]**

DWM: Sorang je? *Okay* [Baiklah] aa [sedang berfikir] nama dia ialah Datuk Shahrudin Ahmad dan dua la Datuk Shahrudin Ahmad sorang lagi Datuk...[rakaman suara tidak jelas dan tidak dapat nyatakan seorang lagi teman persekolah Datuk] jadi rapat di sekolah rendah sampai universiti la, sampai kerja dan selalu berhubung ---

NN: **Sahabat baik la?**

DWM: Sahabat baik la, tapi dah tua-tua ni jarang sebab masing-masing duduk jauh kan jadi payah nak jumpa, melalui Whatsapp jela.

NN: ***Okay* [Baiklah] soalan seterusnya, apakah kenangan manis dan pahit sepanjang Datuk di zaman persekolahan?**

DWM: aa [sedang berfikir] payah juga nak sebut sebab kami semua tinggal di asrama, jadi di asrama tu selama *lima* [5] tahun banyak lah peristiwa-peristiwa yang sedih ada, gembira ada, jadi nak fikirkan satu-satu payah la juga eh tapi yang menyeronokkan tu kami rapat la, ramai lebih kurang *seratus* [100] orang daripada kampung duduk sekali jadi yang saya sukanya masa makan jela, masa main, masa makan, masa main, masa belajar, masa itu tak macam sekarang. Jadi, kehidupan kami di asrama memang seronok la susah nak *detaillkan* [jelaskan] satu-satu. Sedihnya, masa sedihnya bila duit *takde* [tidak ada] tu *je* [sahaja]. Yela nak mintak dengan sape duit takde, makan kadang-kadang makan dekat kantin tengok orang je, tak makan. Balik asrama tengah hari bart makan, ayah takde duit, ayah miskin nak mintak macam mana, adik-beradik pun miskin. Jadi, aa [sedang berfikir] makan pagi di asrama, rehat tak makan balik baru makan. Jadi masa makan tu makan betul-betul. Jadi itulah kehidupan kami masa itu. Satu lagi saat yang paling gembira bila saya, saya ingat sampai sekarang ialah bila saya lulus *periksa* [peperiksaan] *Sijil Rendah Pelajaran* [LCE] masa itu dengan *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM], jadi rasa memang tak dapat nak bayangkan macam mana gembiranya masa itu. Ayah pun seronok, jadi *family* [keluarga] pun seronok, jadi masa itu nak dapat keputusan periksa *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM] dan *Sijil Rendah Pelajaran* [SRP] ni dia payahlah, tidak macam sekarang semua orang lulus [ketawa kecil].

NN: **Hahaha [ketawa].**

DWM: *Okay [Baiklah]?*

NN: *Okay [Baiklah] untuk soalan seterusnya, apakah cita-cita dan hobi Datuk ketika persekolahan?*

DWM: Aa [sedang berfikir] cita-citanya memang ada *dua* [2], *satu* [1] nak jadi cikgu *kedua* [2] nak jadi penulis, nak jadi wartawan, itu *je* [sahaja] yang saya ingat, yang lain yang saya suka masa itu. Aa [sedang berfikir] hobi membaca la, hobi saya suka membaca. Daripada kecil lagi dengar cerita, buku *takde* [tidak ada] dengar cerita, mak tiri saya selalu cerita, saya dengar bila duduk di asrama saya cari buku-buku yang ade kaitan yang ada cerita. Macam cerita Hikayat Hang Tuah, Maling Deman, itu yang saya suka masa saya sekolah menengah lah. Cita-cita nak jadi cikgu tercapai itu *je* [sahaja]. *Okay [Baiklah]?*

### BAHAGIAN 3: SEJARAH/PENGALAMAN DI ZAMAN UNIVERSITI

NUH : *Okay [Baiklah], bagi sejarah atau pengalaman di zaman universiti pula, Datuk ada menyebut yang Datuk pernah belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM]. Apakah kursus yang Datuk ambil semasa belajar di sana?*

DWM : aa [sedang berfikir] di di *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM]? Di universiti? Di universiti saya ---

NUH : aa ya.

DWM : Ya?

NUH : Ya ya, *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM].

DWM : Aaa [sedang berfikir] di *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM] saya mengikuti dua kursus. Satu aaa [sedang berfikir] Bahasa Melayu, Persuratan Melayu, satu lagi ialah aaa [sedang berfikir] Sosiologi. Mintak maaf ya saya fokus kepada Persuratan Melayu atau Bahasa Melayu. Sastera dan Bahasa Melayu sehingga saya dapat ijazah berkaitan dengan Kesusteraan dan Bahasa Melayu, selain daripada Diploma Pendidikan. Ok?

NUH : Ok, mengapa Datuk mengambil kursus tersebut? Adakah pilihan keluarga atau pilihan aa pilihan Datuk sendiri?

DWM : Pertama memang saya minat lah. Aaa [sedang berfikir] saya minat aaa [sedang berfikir] Persuratan, Pendidikan yang berkaitan dengan Kesusteraan. Yang Sosiologi, sosiologi tu dah takde pilihan lain dah, terpaksa ambil sebab *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM] dia kena ambil dua, dua mejar. Jadi kena ambil dua, Sosiologi dengan Persuratan Melayu. Minta

maaf ya saja fokus kepada satu. Jadi, yang utama tu Persuratan Melayu tu memang saya minat lah, memang saya suka. Nak kata minat hah suka [senyum] dan saya tidak ada masalah kalau saya belajar berkaitan dengan Persuratan Melayu tu. Ok?

**NUH : Ok, em semasa bergelar sebagai seorang pelajar, apa cabaran yang Datuk hadapi?**

DWM : Aaa [sedang berfikir] saya lihat sebagai orang kampung memang sukar untuk belajar lah. Pertama dari segi kemudahan aaa [sedang berfikir] tidak seperti sekarang bila kita banding dengan keadaan sekarang memang kemudahan untuk belajar tu zaman saya memang sukar, memang tak tidak ada sokongan dari segi kemudahan untuk belajar. Jadi, aaa [sedang berfikir] sendiri usaha sendiri kegigihan sendiri minat sendiri yang membantu kita untuk terus belajar. Aaa [sedang berfikir] ehem [sakit tekak], di Sekolah Menengah pun sama tidak ada program-program sokongan untuk membantu kita apa menambahkan pengetahuan dan juga kemahiran eh. Jadi kalau kita tidak ada kesungguhan maka kita akan ketinggalan. Jadi, saya memikirkan tentang aaa [sedang berfikir] latar belakang saya miskin, ayah saya yang miskin, susah hidupnya. Jadi, saya terpaksa menerima cabaran lah untuk berusaha gigih untuk aaa [sedang berfikir] lulus dalam peperiksaan. Dulu kemudahan di sekolah, cikgu tidak seperti sekarang lah, ya. Cikgu lebih banyak membantu murid [senyum] sekarang, dulu kesungguhan pelajar-pelajar lah dan rakan-rakan pun banyak membantu. Itulah diantara cabaran kami zaman itu, bukan saya saja semua pelajar-pelajar zaman kami tahun 60-an.

**NUH : Jadi, bagaimana Datuk menghadapi cabaran tu?**

DWM : Cabaran, macam cabaran tadi contoh dari segi kemudahan, tidak ada program sokongan jadi kami, meng, kami saya dan rakan-rakan merancang sendiri jadual untuk belajar aaa [sedang berfikir] dan kami bergerak secara kumpulan. Sebab kebetulannya kami duduk di asrama. Jadi, aaa [sedang berfikir] rakan-rakan banyak membantu berkongsi aaaaaa [sedang berfikir] berkongsi masalah, berkongsi untuk menyelesaikan sesuatu apaaa [sedang berfikir] *homework* [kerja sekolah] ya bila cikgu suruh. Jadi, tidak buku latihan, buku rujukan pun kurang masa tu. Jadi, kegigihan kawan-kawan membantu, kesungguhan kami sendiri, berbincang *study* [belajar] hingga pagi. Kalau dekat nak periksa, kami malam-malam tak tidur kami belajar je. Belajar, berbincang bersama kawan-kawan. Jadi, itu cara zaman itu lah. Ok?

**NUH : Ok, untuk soalan seterusnya, adakah Datuk pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang belajar di sana lah, sepanjang pembelajaran di sana?**

DWM : Sekali lagi tak berapa *clear* [jelas]. Tak berapa dengar.

**NUH : Adakah Datuk, adakah Datuk pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang pembelajaran di sana?**

DWM : Mendapat ? Tak berapa dengar.

**NUH : An anugerah.**

DWM : Oh, anugerah. Anugerah aaa [sedang berfikir] saya pun tak ingatlah eh masa sekolah. Aaa [sedang berfikir] lagipun sekolah masa tu takde sangat aaa [sedang berfikir] macam sekarang ni ada hari ucapan sebagainya, dulu takde. Jadi hadiah, hadiah setahu saya, hadiah aaa [sedang berfikir] masa sukan je dapat hadiah pun peringkat pelajaran ni takde sangat. Tidak macam sekarang. Saya cuma mendapat bantuan biasiswa macam tu lah. Yang berkaitan dengan kurikulum tu aaa [sedang berfikir] tidak seperti sekarang lah. Takde hari ucapan sebagainya. Itu yang saya ingatlah.

**NUH : Kalau penganugerahan di zaman universiti?**

DWM : aaa [sedang berfikir] di universiti takde [senyum]. Saya bukan pelajar cemerlang sangat, biasa-biasa je. Haa tidak tergolong sebagai pelajar anugerah-anugerah dekan semua takde tak pernah dapat pun. Tapi lulus lah, semua lulus takde gagal [ketawa]. Cuma anugerah tu takde, tak pernah dapat. Korang lain lah boleh ---

**NUH : Boleh Datuk ---**

DWM : Ya?

**NUH : Hahaha [ketawa]. Boleh Datuk kongsi sedikit rahsia kejayaan Datuk?**

DWM : Aaa [sedang berfikir] sebagaimana saya kata tadi, pertama kesungguh saya rasalah aaa [sedang berfikir] kesungguhan saya sendiri. Aaa [sedang berfikir] saya memang belajar masa itu aaa [sedang berfikir] matlamat saya ialah untuk lulus periksa dan untuk berjaya dalam pelajaran, untuk melanjutkan pelajaran lagi. Jadi saya kena usaha sebab kalau saya tak belajar, saya akan jadi macam ayah saya juga. Ayah saya selalu pesan jangan jadi macam dia penoreh getah, dia tak mahu susah, tolong jangan jadi macam dia. Itu arwah ayah saya pesan. Dia nak saya paling tidak jadi cikgu, mesti ada kerja. Jadi, itu yang saya menjadi perangsang kepada saya untuk saya pastikan lulus dalam peperiksaan. Jadi, semangat, teguran, nasihat daripada ayah saya tu sebagai satu aaa [sedang berfikir] apa rangsangan untuk saya. Saya tak saya takde pilihan lain seolahnya. Kalau saya tak belajar, saya tak berjaya. Kalau saya tak berjaya saya akan balik kampung tolong ayah. Jadi ayah taknak, biar dia susah, anak mesti aaa [sedang berfikir] mesti berjaya dan Alhamdulillah semua adik beradik saya semua berjaya. Ok takde

masalah sebab ayah, dia dah pesan jangan semua anak dia jadi macam dia. Jadi itu sebagai rahsia lah hidup kami untuk berjaya ya [senyum]. Jadi teringat pulak kisah-kisah dulu. Ok.

#### BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA

NN: *Okay [Baiklah]...saya teruskan ---*

DWM: *Okay [Baiklah] setakat ni [ini] you all [kamu semua] catik ke [sahaja], you [kamu] dengar je ke [sahaja]? Macam mana?*

NN: **Kami rekod Datuk ---**

DWM: Ooo rekod, *Okay [Baiklah] Okay [Baiklah] Okay [Baiklah] Okay [Baiklah]*.

NN: **Boleh saya sambung?**

DWM: Sambung? boleh boleh tidak ada masalah.

NN: **Jika tidak beratan, kami ingin Datuk kongsikan bersama pengalaman kerja Datuk? Okay [Baiklah] untuk soalan seterusnya, pada tahun berapakah Datuk mula berkerja selepas tamat berkerja?**

DWM: Kebetulannya program yang saya ikut ialah program pendidikan untuk jadi cikgu, selain daripada izajah tadi, saya mengikuti program diploma Pendidikan, dia punya aaa [sedang berfikir] fokus Pendidikan itu ialah Bahasa Melayu, jadi setelah tamat pengajian di universiti *Sembilan Belas Tujuh Puluh Enam* [1976], saya terus ditawar oleh Kementerian Pendidikan menjadi seorang guru di sebuah pekan...sebelah kampung saya-lah ataupun sekolah menengah kampung saya, jadi saya tidak ada masa *free* [laung]-lah, lepas sahaja habis tamat terus saya ditawarkan berkerja di sekolah-sekolah menengah, Namanya Sekolah Menengah Budu masa itu, tahun *Sembilan Belas Tujuh Puluh Enam* [1976] Bulan Mei *Sembilan Belas Tujuh Puluh Enam* [1976], hari pertama saya berkerja di sekolah sekolah menengah kampung, *tak ada* [tidak ada] electrik *tak ada* [tidak ada] air... Itu sekolah pertama saya, tempat saya berkerja--- ya?

NN: **Okay [Baiklah]...Datuk pernah berkhidmat perkhidmatan kementerian, boleh ceritakan pengalaman Datuk sepanjang kementerian tersebut?**

DWM: *Okay [Baiklah]...aaa [sedang berfikir] daripada tahun tujuh puluh enam [76] tu sampai tahun dua ribu [2000]-lah sembilan belas tujuh puluh enam [1976], saya berkhidmat di sekolah. Okay [Baiklah]... tujuh puluh enam [76] hingga Sembilan puluh enam [96], saya berkhidmat di sekolah sebagai guru, sebagai pengetua, pada tahun dua ribu [2000] hingga dua ribu tiga [2003], saya berkhidmat di pejabat, aaa [sedang berfikir] di Jabatan*

Pendidikan Pahang, sebagai pegawai Pendidikan Daerah dan juga sebagai pegawai di jabatan, Pada *dua ribu empat* [2004] saya berkhidmat di kementerian, *dua ribu empat* [2004], di kementerian di bahagian Institut Aminuddin Baki di Genting, Institut Aminuddin Baki di Genting Highland adalah merupakan sebahagian daripada Kementerian Pendidikan. Itu adalah bahagian pertama saya bertugas di Kementerian Pendidikan sebagai Timbalan Pengarah Aminuddin Baki Genting Highland. Pada *dua ribu lima* [2005], saya dinaikkan pangkat dilantik sebagai Pengarah Pendidikan Guru, ataupun kita kata sebagai mengetuai bahagian Pendidikan Guru, tadi saya jadi Timbalan Aminuddin Baki bahagian pengurusan bahagian pengurusan latihan guru-guru dalam perkhidmatan, bahagian pendidikan guruan ini fokus dia ialah menyediakan latihan pra-pendidikan. Sebelum jadi guru mengikuti program latihan dulu yang dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Bila dah jadi cikgu, untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan cikgu, dia mesti mengikuti khusus di Institut Aminuddin Baki. Itu itu dia punya program untuk latihan untuk guru *Okay* [Baiklah]? Saya berkhidmat dua-dua sekali saya berkhidmat di Institut Aminuddin Baki yang menyediakan Latihan untuk guru-guru dalam perkhidmatan. Kemudian saya di- bertugaskan pula pada di Bahagian Pendidikan Guru, mengurus dan mengedalikan, masa itu ada *dua puluh satu* [21] ke *dua puluh tujuh* [27] Institut Pendidikan Maktab Perguruan untuk melatih guru yang belum jadi guru yang keluar jadi guru...faham?

**NN: Faham Datuk.**

DWM: [ketawa] *Okay* [Baiklah], itu itu adalah tugas saya-lah selama *dua ribu tiga* [2003] hingga *dua ribu tujuh* [2007]. *Okay* [Baiklah]

**NN: *Okay* [Baiklah]... boleh Datuk ceritakan perjalanan Datuk semasa memegang jawatan sebagai pengarah Pendidikan guru.**

DWM: aaa [sedang berfikir] tempoh saya berkhidmat di Bahagian Pendidikan Guru ini hanya lebih kurang *dua* [2] tahun. Jadi sebagai pengarah, tugas dan tanggungjawab Bahagian Pendidikan Guru ialah untuk memastikan maktab-maktab perguruan yang berada di bawah pendidikan guru tadi dapat menjalankan peranan masing-masing. Untuk melahirkan guru yang terlatih dan berkemahiran untuk tugas dia, sekolah-sekolah, jadi Bahagian Pendidikan Guru menyediakan guru-guru untuk sekolah rendah secara umumnya disamping membantu universiti-universiti yang menyediakan latihan untuk guru-guru sekolah menengah. Jadi pendidikan guru, Bahagian Pendidikan Guru juga memantau menyelaras

dan juga merancang menyediakan...apa...unjuran untuk guru yang dilatih oleh pihak pihak universiti bagi sekolah menegah...*Okay [Baiklah]*?

**NN: Berapa lama tempoh Datuk berkerja dalam jawatan tersebut?**

DWM: aaa [sedang berfikir] saya kalau *tak* [tidak] silap *enam belas mei dua ribu lima* [16/5/2005] hingga *tujuh* [7] hingga *Sembilan* [9]- *lapan* [8] November *dua ribu tujuh* [2007], lebih kurang *dua* [2] tahun lebih sedikit. Itu tempoh saya bertugas sebagai pengarah pendidikan guru...di Putrajaya.

**NN: *Okay [Baiklah]*, Datuk juga pernah berkerja dalam Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang, boleh ceritakan sedikit pengalaman disana?**

DWM: *Okay [Baiklah]*, Sebagaimana saya beritahu tadi aaa [sedang berfikir] *dua* [2]...*Sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] saya bertugas di daerah, daerah ini merupakan sebahagian daripada...daripada pejabat...ataupun Jabatan Pendidikan--- sebagai KBG. Pegawai Pendidikan Daerah bertanggunjawab kepada Pengarah Pendidikan Pahang. Jadi saya bertugas sebagai pegawai Pendidikan Daerah selama *tiga* [3] tahun di Raub dan di Kuantan. Kami- kami bertanggunjawab terus kepada Pengarah Pendidikan Pahang. Pada *dua ribu tiga* [2003], saya dilantik sebagai Ketua Sektor di Jabatan Pendidikan Pahang, di Kuantan disitu saya *direct* [langsung] terus bersama Pengarah dan Rakan-rakan lain, mentadbir aaa [sedang berfikir] Pendidikan Negeri Pahang. Merancang, memantau dan memastikan sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Pahang menjalankan aktiviti pendidikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan. Sebagai Sektor Bahagian Sekolah di Jabatan Pendidikan Pahang, saya lebih kepada mengurus, mentadbir, memantau guru-guru di sekolah... di sekolah-sekolah menegah sekolah rendah, merancang, menyediakan unjuran untuk sekolah-sekolah, unjuran guru-guru untuk sekolah menegah dan rendah di Negeri Pahang dan juga memastikan guru-guru menjalankan tugas yang dikendaki oleh kementerian-lah. *Okay [Baiklah]*?

**NN: Apakah sumbangan Datuk Ketika memegang jawatan tersebut?**

DWM: Jabatan di mana itu? Di kementerian ke? Di jabatan ke? Di sekolah?

**NN: Di Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.**

DWM: Di jabatan pendidika- nak kata kejayaan itu *takda* [tiada] ,cuma aaa [sedang berfikir] kita menyelesaikan isu-isu yang terdapat di sekolah-sekolah sahaja. Kalau dia masalah yang dibangkitkan di sekolah ataupun kementerian aaa [sedang berfikir] tugas saya sebagai Ketua Sektor ialah memastikan masalah-masalah yang timbul dapat diselesaikan.

Contohnya, aaa [sedang berfikir] kekurangan cikgu, kekurangan guru yang certain [tertentu], tertentu. Jadi ini dari masa ke semasa, kita dapat selesaikan bersama rakan-rakan bersama kawan-kawan bertugas di jabatan, jadi nak kata kejayaan tu *takda* [tiada], Cuma kita bersama-sama secara strategiknya dengan raka- dengan bahagian-bahagian lain ataupun rakan-rakan lain di jabatan merancang program program tertentu terutamanya dari segi meningkatkan kurikulum atau kejayaan sekolah-sekolah Pahang dalam aspek kurikulum dan juga ko-kurikulum. Kita ada satu program khusus pada masa itu, program peningkatan kurikulum kalau tidak silap saya, saya pun dah lupa, Program Peningkatan Kurikulum Dan Kemajuan Pendidikan yang diasaskan oleh pengarah Datuk Razak Abu pada masa itu pada tahun *Sembilan belas Sembilan puluh enam* [1996] dan boleh dikatakan program yang kami usahakan itu bersama pengetua, PPD telah mendatangkan hasil yang besar, yang mendatangkan kejayaan dimana sekolah-sekolah di seluruh negeri Pahang kalau dilihat dari segi kejayaan dalam perperiksaan, semua peperiksaan SRP dan SPM termasuk UPSR ada peningkatan setiap tahun. Itu merupakan kejayaan bersama dan rakan-rakan termasuk pengarah sendiri yang sentiasa menekankan bahawa setiap sekolah mesti ada peningkatan dalam apa saja aspek sama ada aktiviti kurikulum, ko-kurikulum dan semua yang melibatkan aktiviti pendidikan. Jadi yang jelasnya, aaa [sedang berfikir] keputusan peperiksaan setiap tahun bagi sekolah-sekolah seluruh Negeri Pahang daripada *sembilan puluh enam* [96] hingga *dua ribu tiga* [2003] tu ada peningkatan sebab program itu sendiri dipanggil program peningkatan kurikulum dan kemajuan Pendidikan. Jadi memang satu program khusus yang dijayakan oleh Jabatan Pendidikan Pahang dan menjadi aaa [sedang berfikir] apa... program rujukan kepada negeri-negeri lain-lah. Itu yang saya rasa saya bangga kerana terlibat dalam program itu sendiri, P-K-K-P program Peningkatan Kurikulum Dan Kemajuan Pendidikan. Saya sampai sekarang saya ingat, saya tak pasti program itu diteruskan atau tidak sekarang ini, tapi kami bersama *team-team* [pasukan-pasukan] jabatan pada masa itu memang sungguh sirus-lah untuk melihat setiap kejayaan untuk setiap sekolah. *Okay* [Baiklah]?

NN: *Okay* [Baiklah], untuk soalan seterusnya, aaa [sedang berfikir] apakah cabaran dihadapi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan kementerian.

DWM: Di kementerian ini ada dua bahagian yang saya terlibat *Okay* [Baiklah]? *Takdi* [tadi] sebagai Pengarah di Institut Aminuddin Baki aaa [sedang berfikir] dan yang keduanya saya sebagai Pengarah di Bahagian Pendidikan Guru, kedua-duanya ada cabaran *Okay* [Baiklah]? Di Institut Aminuddin Baki sebagai pengarah-pengarah dan kebetulan pulak masa itu saya menjalankan tugas pengarah, memangku pengarah, pengarah bersara tidak

ada penganti dan saya sebagai timbalan pengarah, dipertanggungjawabkan oleh kementerian untuk menjalankan tugas pengarah. Jadi sudah tentulah menghadapi cabaran, Secara umumnya objektif Institut Aminuddin Baki ialah untuk memastikan setiap guru-guru terutamanya bahagian pengurusan, bahagian pengurusan maksudnya guru-guru penolong kanan dan pengetua serta guru besar mesti diberi latihan yang cukup berkaitan dengan ilmu pengurusan dan juga kemahiran mengurus di sekolah. Jadi cabarannya ialah pertamanya dari segi bilangan guru besar dan pengetua yang ramai dan tidak mampu untuk dilatih secara berterusan oleh pihak Institut Aminuddin Baki dengan *staff* [kakitangan] yang kurang dan juga hanya terdiri daripada Institut Aminuddin Baki yang terdiri di Genting sahaja dan juga di Utara. Ada dua cawangan sahaja, maka dua-dua cawangan ini sudah tentu tidak mampu untuk memastikan semua guru besar, guru penolong kanan dan pengetua mendapat latihan pengurusan yang berkala. Jadi apa yang kami buat ialah dengan memastikan *target* [sasaran] dia menghasilkan setiap orang paling tidak *empat belas* [14] hari akan mesti mengikuti di khusus Pengurusan Pendidikan untuk melengkapkan diri mereka aaa [sedang berfikir] dengan kemahiran dan juga ilmu pengurusan yang dapat meningkatkan aaa [sedang berfikir] apa...percapaian murid di sekolah masing-masing. Jadi sekarang ini mungkin masalah itu sudah tidak ada sangat sebab Institut Aminuddin Baki dah bertambah besar, *staff* [kakitangan] ramai dulu *staff* [kakitangan] sikit sahaja dengan bilangan sedikit sudah tentu tidak mampu untuk memberi latihan yang secukupnya kepada guru-guru besar dan juga pengetua. Dan di... sebagai Pengarah Pendidikan Guru pula, cabaran yang paling besar pada masa itu, *dua ribu lima* [2005] dan *enam* [6] dan *tujuh* [7] ialah pihak kementerian dan juga pihak menteri pada masa itu meminta kami Bahagian Pendidikan Guru untuk mengubah pusat latihan Maktab Perguruan itu daripada program diploma kepada program ijazah. Pada masa itu semua maktab perguruan hanya menyediakan program latihan di peringkat diploma ataupun guru-guru sekolah rendah semua ada diploma saja, Jadi maktab melahirkan guru diploma, jadi kebetulannya saya masuk disitu aaa [sedang berfikir] [ketawa] pihak kementerian mencetuskan cadangan supaya pihak apa maktab perguruan ataupun semua guru-guru sekolah mesti di...hendaklah terdiri daripada program ijazah... guru yang mendapat didikan ijazah. Jadi pilihan pada masa itu, apabila dasar itu telah diluluskan, maka Bahagian Pendidikan Guru mesti ditukarkan maktab perguruan daripada melahirkan bertaraf diploma kepada Institut yang melahirkan guru yang berijazah... *Okay* [Baiklah]? Jadi ini memang ada masalah, daripada maktab kepada universiti seolah begitu, jadi cabarannya sangat besar-lah. Bukan sahaja menyediakan kurikulum tetapi menyediakan kemudahan, mengubah maktab perguruan menjadi universiti, begitu- lah konsepnya secara umum, jadi agak sukar, kami terpaksa menyediakan kertas kerja

yang lengkap kerana nak bentangkan diparlimen kerana mewujudkan dasar dan akta baru maktab melahirkan program ijazah, jadi sukar saya nak ceritakan disini sebab ia juga melibatkan perkara-perkara sulit yang melibatkan dasar akta dan sebagainya. Secara umumnya, anakanda semua boleh fikir daripada maktab nak melahirkan guru yang berijazah, kemudahan maktab ditingkatkan dengan kemudahan universiti, dapat *tak* [tidak] bayangkan, jadi saya berada disitu setengah pihak [ketawa] jadi dengan kerja sama semua pihak semua bahagian di kementerian Pendidikan termasuk Bahagian Pendidikan Guru dan juga Menteri Pendidikan pada masa itu Datuk Seri Hishamuddin, jadi sangat membantu, Ketua Pengarah Pendidikan pada masa itu juga sangat membantu kami untuk memastikan maktab itu dapat menjalankan fungsi sebagai Institut Pendidikan Guru, dan itupun adalah masalah nak ubah nama universiti pun ada masalah jadi tukar kepada Institusi Pendidikan Guru. Jadi alhamdulillah, semasa saya pencen tu belum lulus lagi akta itu, dan kalau *tak* [tidak] silapnya, mungkin dalam *dua ribu sembilan* [2009] dimana *dua ribu sepuluh* [2010] maktab ditukar- aaa [sedang berfikir] pelajar yang dilahir daripada Institut Pendidikan Guru itu sudah terdiri daripada guru berijazah kalau tidak silap saya, jadi anakanda semua boleh cari. *Okay* [Baiklah]. Itu masih penatlah. [ketawa]

NN: ***Okay* [Baiklah] Datuk, selain itu, Datuk juga pernah menjadi pengetua sekolah, boleh Datuk ceritakan pengalaman Datuk semasa menjadi pengetua sekolah?**

DWM: aaa [sedang berfikir] sekolah merupakan institusi yang kecil dan mempunyai kelompok masyarakat yang tersendiri, secara umumnya ia terdiri daripada murid, guru dan juga ibupada. Jadi pengetua secara tidak langsung bertanggungjawab untuk memastikan komuniti dalam sekolah itu guru, *staff* [kakitangan] dan juga ibubapa dapat berkerjasama bagi memastikan program yang ditetapkan oleh Jabatan oleh Kementerian berjalankan dengan baik dan fokus kami, fokus saya sendiri sebagai pengetua pertama memastikan dasar-dasar yang ditetapkan oleh kementerian dan juga jabatan dijalankan dengan sempurna aaa [sedang berfikir] terutamanya Persatuan Pendidikan Negara dan juga maklamat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa. Semua program yang diturunkan oleh Kementerian itu kita terpaksa terima, kedua bagi memastikan guru-guru dan *staff* [kakitangan] semua di sekolah itu dapat menjalankan tugas mereka dengan baik, selain itu pelajar-pelajar juga dapat aaa [sedang berfikir] belajar dengan sempurna dan dapat..berjaya dalam pelajaran masing-masing. Jadi cabaran dia lagi besar-lah bagi saya menjadi seorang pengetua sekolah kerana aaa [sedang berfikir] ketika kalau di PPD atau kementerian nampak macam berkongsi dengan orang lain untuk menyelesaikan sesuatu isu-isu, tapi sekolah itu tanggunjawab pengetua sepenuhnya, jika gagal pengetua mengurus sekolah itu,

maka gagalah sekolah itu. Itu prinsip yang saya pegang. Jadi dari segi saya lebih suka berkerja di sekolah sebagai pengetua sebab apa saja kita rancang kitab oleh lihat dan terlibat sama dan orang terlibat menjayakan apa yang kita merancang itu berada di depan kita, jadi setiap hari kita boleh memantau menilai dan boleh menambah baik program, kalau saya duduk di PPD sebagai PPD tidak boleh, kita rancang tapi orang yang nak jalankan perancangan kita berada di sekolah, kita tidak perlu pantau. Jadi saya lebih suka berkerja di sekolah-lah melihat sendiri apa yang kita rancang itu dapat dijayakan dengan baik. *Okay [Baiklah], ada setakat ini Okay [Baiklah]?*

**NN: *Okay [Baiklah] Datuk [ketawa], Okay [Baiklah] bagaimana Datuk boleh menceburkan diri dalam bidang pendidikan ini?***

DWM: Pertamanya, saya minat, saya memang cita-cita dari kecil nak jadi cikgu dan saya bersyukur yang saya dapat yang saya cita-citakan itu, mungkin secara sifat-sifat saya sendiri *kot* [rasanya] banyak ciri-ciri guru...jadi saya memang minat berkhidmat sebagai seorang guru di- kerja yang kita minat itu menyebabkan kita rasa tak penat tak letih, kita suka jadi seluruh kehidupan saya tumpukan kepada tugas saya sebagai seorang guru, maknanya saya tidak rasa menyesal tidak rasa masalah apabila apasaja kehendak atasan saya untuk saya lakukan lebih kebaikan pelajar dan sekolah saya, saya tetap bersama-sama guru-guru lain berusaha untuk memastikan perancang itu berjaya dirancangan, Jadi alhamdulillah, saya rasalah, ini yang saya rasa, orang lain saya *tak* [tidak] tahu, saya rasa sebagai seorang guru, sebagai seorang pengetua, saya rasa saya berjaya-lah. Saya bertugas sebagai guru selama, guru dalam kelas ya, *sepuluh* [10] tahun selebihnya saya berkhidmat sebagai pengurus sebagai pentadbir, apabila saya memegang jawatan saya sebagai pentadbir, pengetua saya secara tidak langsung tidak terlibat dalam kelas. *Sepuluh* [10] tahun atau *dua puluh* [20] tahun rasanya jadi guru, sebagai guru, berkerja dalam kelas bersama murid, semua murid saya berjaya dan mereka sentiasa ingatkan saya-lah, sentiasa berjumpa dengan saya.

**NN: *Okay [Baiklah], siapa orang yang sentiasa memberi galakan atau motivasi kepada Datuk semasa Datuk memegang jawatan sebagai pengetua sekolah?***

DWM: Secara umumnya, yang terlibat secara langsung dengan saya sebagai pengetua ialah *staff-staff* [kakitangan-kakitangan] saya sendiri-lah seperti guru penolong kanan, guru-guru kanan di sekolah itu, kebanyakannya memberi merancangkan peranan, dan sentiasa membantu saya, dan keluarga saya sendiri, isteri dan anak-anak saya sentiasa menyokong saya, mereka tidak pernah kecil hati jika saya menghabiskan masa banyak di sekolah, kadang-kadang isteri pun ikut anak pun ikut ke sekolah untuk meneman saya bertugas

terutamanya sebab kadang-kadang sekolah terlibat dengan banjir macam sekarang, saya pernah terlibat dengan sekolah masa banjir, jadi terpaksa aaa [sedang berfikir] ber-ada di sekolah waktu banjir untuk memastikan harta benda sekolah tidak dihanyut air, jadi keluarga banyak membantu, tidak ada masalah dengan keluarga dan anak-anak dan juga rakan-rakan, sahabat-sahabat banyak membantu bersama saya *tika* [ketika] saya berada dalam kesusahan, kesulitan ketika mentadbir sekolah. *Okay* [Baiklah]?

NN: ***Okay* [Baiklah], soalan seterusnya, apakah cabaran yang Datuk hadapi semasa menjadi pengetua sekolah dan macam mana Datuk mengatasi cabaran tersebut?**

DWM: Cabaranya *you* [kamu] tengok sasaran dia, cabaran yang paling- setiap kelompok ada ada ada ada masalah dan ada cabaran dan isu terutamanya pelajar, pelajar-pelajar sendiri terdiri daripada pelbagai kelompok dan pelbagai tingkah laku, jadi secara umumnya, kita kena selesaikan isu-isu tertentu berkaitan dengan pelajar contoh sebagai pengetua sekolah, ada satu kelompok pelajar tak nak datang sekolah, malas datang sekolah, tak dengar cakap cikgu, suka ponteng dan ini yang ramai, yang jahat tak ramai tapi tak suka datang sekolah, ponteng. Jadi ini merupakan satu cabaran, apa yang saya ingat yang saya selesaikan ialah dengan mewujudkan satu pasukan khusus di sekolah yang diketuai oleh beberapa guru untuk menyelesaikan setiap isu-isu yang berkaitan dengan pelajar tadi, dengan pergi ke rumah-rumah dukun yang terjaga, ada penjaga yang banyak membantu juga ada penjaga yang kadang-kadang tidak kesah, dia serah terus pada kita. Ini juga merupakan cabaran, jadi alhamdulillah dengan kerjasama cikgu dengan perancangan yang rapi kami buat, dengan menyediakan tempat khusus pelajar di sekolah program-program khas, program hujung minggu, program cemerlang, program lulus periksa. Ini semua adalah untuk memastikan pelajar yang tidak berminat, hadir ke sekolah. Saya pun dah lupa-lah tapi itu diantara cabaran-lah. Cabaran kedua ialah di kalangan cikgu, kadang-kadang cikgu juga ada masalah bukan semua cikgu hadir, bukan semua cikgu menpunyai istikhomah dalam mendidik, jadi saya selalu mengadakan program berjumpa dengan guru. Ada tiga perkara yang saya fokus samada murid dan juga guru. Untuk guru, saya pastikan tiga perkara ini ditingkatkan iaitu ilmu keguruan dia, ilmu utama dia, kalau dia guru matematik, dia mesti mahir matematik, kalau sains dia mesti mahir sains, ini *content knowledge* [pengetahuan kandungan] mereka mesti ditingkatkan, itu yang saya selalu buat, kedua ialah kemahiran mendidik kemahiran mengajar. Setiap minggu, setiap hari saya jumpa cikgu *lima belas* [15] minit. Yang ketiga ialah akhlak mereka untuk menjadi mereka guru yang baik yang cermerlang, berakhlak tinggi, sentiasa dihormati oleh pelajar dan ibubapa. Tiga saya tekankan *content knowledge* [pengetahuan kandungan] masing-masing, kalau guru lukisan

dia mesti mahir melukis, kedua ialah kemahiran, kemahiran mengajar, kemahiran kurikulum, kemahiran-kemahiran berkaitan ICT, dan ketiga ialah akhlak mereka, pelajar juga macam itu, dari setiap masa ada program khusus dengan guru dalam *lima belas* [15] minit setiap hari kepada bertutur kali program ini samada guru tanya saya, atau saya akan lontarkan *tip-tip* [nasihat-nasihat] tertentu untuk meningkatkan tiga perkara *takdi* [sebelum ini] iaitu *content knowledge* [pengetahuan kandungan], kemahiran berlajar dan juga akhlak. Jadi program itu saya rasa banyak membantu merapatkan guru dengan saya sendiri, pengetua dengan guru dan juga saya rasa semua guru dicakna oleh pengetua, jadi setiap guru. Saya sentiasa ada *close contact* [hubungan rapat] dengan guru. Dan mereka rasa dihargai dan diberi perhatian. Konsep saya pada masa itu ada dua, satu cari kerja, buat kerja, minta kerja. Jadi setiap guru zaman sekarang diorang kene jumpa saya memang cari kerja, buat kerja, minta kerja. Maknanya dia kene buat kerja tidak boleh duduk diam, cari kerja, pahtu buat, tidak kerja cari saya mintak kerja. Satu lagi saya lupa...*Okay* [Baiklah]...boleh ke *ni* [ini]? Boleh membantu *ke* [kah]?

**NN: Boleh Datuk.**

DWM: [ketawa], kalau tak faham nanti boleh, boleh whatsapp saya. *Okay* [Baiklah] lagi?

**NN: Untuk soalan seterusnya, apakah tugas dan tanggungjawab sebagai pengetua sekolah?**

DWM: *Okay* [Baiklah], itulah, tadi saya sentuh, pengetua sekolah ni, tugas dia banyak, pertamanya, tentang pengurusan sekolah itu sendiri iaitu tentang memastikan guru tukuh dan pengurusan pembangunan sumber manusia di sekolah, memastikan guru menjalankan tugas dengan baik, memastikan *staff-staff* [kakitangan-kakitangan], kerani, jaga, tukang kebung, pembantu makmal, *steward* [pramugara], ini semua *staff-staff* [kakitangan-kakitangan] sokongan yang perlu di sentiasa ditingkatkan ilmu, kemahiran dan juga akhlak mereka supaya mereka dapat menjayakan tugas dengan baik dan memastikan sekolah itu seronok bukan sahaja untuk mereka bagi untuk pelajar-pelajar. Kemudian, fokus utama pengetua ialah dari segi kepimpinan pengajaran, ataupun fokus kepada pengajaran dan pembelajaran. Jadi kita kena lihat sebagai pengetua saya nak pastikan guru mengajar, murid belajar. Dua, murid belajar, guru mengajar jangan murid belajar guru *ta* [tidak] mengajar atau guru mengajar, murid tidak berlajar. Jadi pengetua jadi kena lihat dua perkara ini, guru mempunyai kemahiran ilmu yang tinggi dalam pengajaran dan murid terlibat secara langsung dalam aktiviti pembelajaran supaya setiap masa, sebab dalam kelas itu, murid ada banyak kategori, ada yang lemah, ada yang sedarhana, ada yang cemerlang. Jadi saya masih ingat, setiap kelompok ini saya nak pastikan pada guru mesti ada

peningkatan, yang lemah dia ada peningkatan, tidak kisah-lah meningkat macam mana, kalau matematik dia dapat *lima* [5] per *seratus* [100] bulan yang pertama, ujian bulan kedua dia mesti meningkat, guru kena selesaikan. Kalau yang sedarhana begitu, setiap pelajar itu mesti ada dalam perhatian guru, saya selalu tanya dalam perjumpaan pelajar dengan guru *takdi* [sebelum ini] *lima* [5] minit pagi dengan pengetua itu, saya ada *list* [senarai], pelajar matematik lemah, pelajar matematik sedarhana, dan pelajar matematik cemerlang. Kalau kelompok cemerlang, guru itu mesti pastikan dia sentiasa cemerlang dan setiap cikgu kena lapor dengan saya. Pelajar cemerlang *ni* [ini] macam mana? Apa lemah dia? Apa topik yang dia gagal? Pelajar yang berpotensi cemerlang, apa tajuk yang dia lemah? Yang menyebabkan dia tidak boleh cemerlang. Jadi cikgu tahu tugas masing-masing, jadi dia nampak saya dia dah *ready* [bersedia] dah, dia dah sebut “ini pelajar ini dah *Okay* [Baiklah] dah” contoh-lah. Jadi tugas yang paling sukar ialah memastikan guru mengajar dan murid belajar. Saya tidak fokus sangat kepada aktiviti aktiviti ko-kurikulum yang lain, pengakap *ke* [kah], sukan *ke* [kah], itu tanggunjawab guru-guru yang khusus dalam bidang. Bukan saya *tak* [tidak] peduli tapi saya lebih berfokus kepada guru mengajar dan murid belajar. Supaya ada peningkatan.

NN: *Okay* [Baiklah], soalan seterusnya, pengalaman menjadi seorang pendidik?

DWM: Secara umumnya, sebagaimana yang saya kata tadi, saya tidak ada masalah dalam menjadi seorang guru, pertama sebab saya minat, kemudian memang apabila minat, masalah-masalah itu saya dapat atasi dengan baik, tadi cabaran-cabaran saaya telah cerita, Jadi seorang guru ini pertama masa kita banyak lebih kepada sekolah bukan waktu berkerja sahaja, itu satu cabaran bagi cikgu-lah, waktu berkerja kalau kerani dia pukul *lapan* [8] sampai pukul *lima* [5] dia balik-lah, semua-lah *engineer* [jurutera] ke JKR ke, tapi cikgu tak, pukul *tujuh* [7] setengah sampai pukul *dua* [2], itu melibatkan aktiviti di sekolah dalam kelas, petang lagi aktiviti aktiviti lain, aktiviti sokongan kita panggil kemudian kita juga terlibat dalam menilai kerja murid, latihan dia, *homework* [kerja rumah] dia, peperiksaan sebagainya jadi sampai malam. Kalau siapa yang *tak* [tidak] minat jadi cikgu, jangan kerja cikgu, sebab tempoh berkerja cikgu bukan terhad pada waktu kerja sekolah kerja sepanjang masa, kena bincang, kena rancang, kena fikir, kalau dalam kelas tu murid lemah *tu* [itu], macam mana nak atasi dia? Jadi pemikiran lebih banyak kepada aktiviti pendidikan di sekolah. Masa untuk keluarga agak terhad, boleh tapi kalau kita banyak masa ke keluarga kita lupa dekat sekolah pula. Jadi pengalaman dia, bagi saya, orang yang hanya yang minat jadi cikgu *je* [sahaja] boleh jadi cikgu. Kalau dia tidak minat, kalau terpaksa jadi cikgu itu masalah, kalau ayah suruh jadi cikgu baik *tak yah* [tidak payah]. [ketawa] Betul itu cabaran

dia, pengalaman jadi cikgu, saya seronok-lah tidak ada masalah bagi saya, sekarang pun saya penceden, saya jadi cikgu juga, tapi cikgu-cikgu mengaji-lah cikgu ajar quran, saya ada kelas sendiri, saya ada pelajar sendiri, saya ada kelas mengaji, jadi saya suka mengajar, mengajar al-quran bagi kelompok orang dewasa yang berumur empat puluh tahun keatas, jadi saya offer kepada mereka datang ke kelas saya untuk belajar mengaji.

#### **SESI RAKAMAN TERPUTUS UNTUK SEKETIKA AKIBAT MASALAH TEKNIKAL DAN SESI TEMUDUAL REHAT SEMENTARA DAN KEMUDIAN SAMBUNG SEPERTI BIASA**

NN: Datuk dah ready?

DWM: *Okay* [Baiklah], dah dah.

NN: *Okay* [Baiklah] kita sambung, untuk soalan seterusnya, bagaimana Datuk memotivasi rakan-rakan sejawat bagi meningkatkan professionalism?

DWM: *Okay* [Baiklah], tadi saya dah sentuh dah, matlamat saya ialah memastikan guru-guru dibawah saya sentiasa, sentiasa bermotivasi dan sentiasa ingin meningkatkan satu ilmu mereka, ilmu berkaitan dengan perkara yang mereka ajar, dia mesti lebih dari semasa ke semasa, kalau dia sejarah, dia terlibat secara langsung dengan program-program sejarah, samada peringkat local ataupun antarabangsa, dia mesti ada ilmu itu, mesti tahu benda-benda baru berkaitan dengan sejarah, itu contoh, kemudian yang kedua dia mesti sentiasa ada kemahiran baru dari segi teknologi, kaedah mengajar, *skill* [kemahiran] berkaitan dengan teknologi-lah secara umumnya, yang ketiga ialah akhlak, sifat tingkah laku mereka, Jadi ini sentiasa menjadi fokus saya dan saya sentiasa memberi *tip-tip* [nasihat-nasihat] tertentu dalam tiga perkara ini, *motivate* [memotivasi] mereka, memberi rancang mereka dengan pengalaman-pengalaman orang lain, menceritakan mereka pengalaman orang lain menceritakan tentang catatan-catatan tokoh-tokoh tertentu ataupun saya bagi pensyarah tertentu berkaitan dengan motivasi ataupun minat ataupun perkara-perkara baru memboleh mereka seronok berkerja sebab saya, sebagaimana saya kata tadi, setiap hari saya ada masa untuk cikgu, ada masa untuk *staff* [kakitangan] *atleast* [sekurangnya] *lima belas* [15] minit, begitu juga kerja dengan jabatan dan kementerian, seminggu sekali, di kementerian seminggu sekali mesti saya ada mesyuarat bersama *staff* [kakitangan], saya bagi motivasi bagi semangat untuk terus berkerja sentiasa meningkatkan ilmu, ilmu mereka [ketawa], kemahiran mereka, skill tidak kisah-lah skill apa, mesti ada. Dan akhlak mereka, jadi aaa [sedang berfikir], dalam pertemuan itu-lah saya selalunya saya akan bagi kata-kata semangat, bagi pengalaman-pengalaman cerita-cerita yang melibatkan tokoh-tokoh lain yang sentiasa mendapat kejayaan. Jadi dimana saya berkerja saya selalu menekankan dua

perkara tadi, satunya, cari kerja buat kerja minta kerja, dan kedua, kalau cikgu-cikgu di sekolah, saya suruh mereka *tagline* [slogan] ialah berlari ke sekolah merangkap pulang ke rumah, dua *tagline* [slogan], cari kerja buat kerja minta kerja dan keduanya berlari ke sekolah merangkap pulang ke rumah, Dan ini saya hendak mereka sentiasa ingat ke sekolah, seronok ke sekolah, seronok jumpa sekolah, seronok masuk kelas, kira hari sabtu tu *diorang* [dia orang] rasa kurang *tak* [tidak] seronok *tak* [tidak] sekolah, hari jumaat tu rasa sedih sebab *tak* [tidak] pergi ke sekolah, hari ahad itu rasa gembira sebab nak pergi ke sekolah. Itu, itu antara-antara tagline saya masa saya berkerja, dan itu yang fokus motivasi saya lebih kepada dua konsep tadi, untuk mereka berkerja dan untuk mereka seronok ke sekolah, *Okay* [Baiklah] boleh faham ke? [ketawa]

NN: [ketawa]

DWM: [ketawa]

NN: *Okay* [Baiklah] kita teruskan, sebagai guru berpengalaman, bolehkah Datuk kongsikan dengan kami, bagaimana Datuk mengatasi perubahan suasana pendidikan masa kini?

DWM: Pertamanya, sebagaimana saya cerita tadi, saya juga sentiasa nak meningkatkan ilmu, meningkatkan kemahiran saya, dua perkara ini yang saya fokus, masa zaman saya berkerja dulu ada kemahiran teknologi dah mula tinggi tetapi saya hidup di zaman takda teknologi tapi berkerja sudah banyak teknologi-teknologi baru, video macam-macam-lah jadi saya terpaksa menyesuaikan diri terpaksa belajar untuk mendapat kemahiran-kemahiran baru, jadi saya tidak pastikan diri saya tidak ketinggalan-lah walaupun saya tidak boleh kerja semua tapi saya cuba untuk mendekatkan diri dengan perkara-perkara baru, apa yang berlaku berubah dalam kehidupan masyarakat dari segi teknologi dari segi nilia hidup, saya terpaksa ikut sama, katalah saya akan ketinggalan begitu juga di sekolah sebagai pengetua, sebagai pendidik saya jadi sentiasa *alert* [peka], saya ada saya term, amaran awal saya panggil, amaran awal pada saya, kalau saya tidak berusaha untuk memajukan diri saya, saya akan ketinggalan, saya tidak dapat nak bersama dengan kelompok yang baru, itu sebab sekarang pun saya ikut semua, walaupun kemudahan kemudahan saya kemudahan baru yang saya ada ni tidak dapat terlibat secara langsung, tapi anak yang banyak membantu-lah, macam telefon *ni* [ini], sebab jarang pakai, jarang guna, jadi ada masalah sedikit-lah tapi lepas *ni* [ini] boleh-lah *ni* [ini], saya boleh guna *meet* [Google Meet] *ni* [ini] untuk kelas mengaji saya. *Okay* [Baiklah], ke dah habis dah?

## BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN/AWARDS

**NUH:** Saya sambung ye Datuk ---

DWM: Boleh boleh.

**NUH:** *Okay [Baiklah] bagi pencapaian sepanjang Datuk bekerja dalam bidang kementerian atau pendidikan, apakah penganugerahan yang Datuk terima. Berdasarkan kepada hasil carian kami, pada tahun dua ribu enam belas [2016], Datuk telah dipilih sebagai Tokoh Guru Pahang, apakah perasaan Datuk ketika itu? Boleh kongsikan?*

DWM: *Okay [Baiklah]. Sebenarnya saya dapat dua [2] kali Tokoh Guru. Pertama dua ribu dua belas [2012],*

*dua ribu dua belas [2012] itu sebagai Tokoh Guru, dua ribu enam belas [2016] itu sebagai Tokoh Kepimpinan Guru *Okay [Baiklah]*? Aa [sedang berfikir] saya tak pasti apa bezanya tapi aa [sedang berfikir] *dua ribu sembilan* [2009], *dua ribu sepuluh* [2010] saya dapat Tokoh Guru Daerah, daerah Kuantan, daerah Raub, daerah Lipis. Jadi, juga daerah yang saya bekerja saya dapat Tokoh Guru. Aa [sedang berfikir] *dua ribu enam belas* [2016], saya dapat sekali lagi Tokoh Guru Lipis. Tokoh Kepimpinan Lipis lepas tu [itu] aa beberapa bulan selepas itu saya dapat Tokoh Guru Negeri. Jadi anugerah tokoh ini sebagai satu pengiktirafan terhadap aa [sedang berfikir] mungkin lah, saya tak kata saya *je* [sahaja] orang lain pun sama aa [sedang berfikir] jasa saya dalam bidang pendidikan secara amnya, mungkin kita lihat walaupun sekolah yang saya pergi itu tidak berjaya seperti sekolah lain tetapi ada perubahan, ada peningkatan dari segi aa [sedang berfikir] pencapaian pelajar, penglibatan masyarakat setempat dan juga penglibatan guru. Mungkin ini banyak menjadi, ciri-ciri utama mengapa saya dipilih sebagai Tokoh Guru. Aaa [sedang berfikir] nak kata saya gembira, seronok tu *takde* [tidak ada] lah, terutama anugerah itu satu pengiktirafan kepada sumbangan saya semasa saya berkhidmat. Jadi sudah tentulah kita rasa puas, rasa gembira kerana pengorbanan kita semasa kita bekerja itu dilihat ataupun dihargai oleh pihak pendidikan sendiri sama ada kementerian ataupun negeri. Saya tidak mengharapkan sangat anugerah itu, tetapi mereka ada selalunya setiap tahun ada calon-calon tertentu dan mereka buat penilaian terhadap calon-calon berkenaan dan sudah tentu rasa puas juga sebab anugerah itu melibatkan juga sejumlah wang yang banyak jadi sudah tentulah kita tak bekerja ni *takde* [tidak ada] duit, jadi anugerah dengan duit tu seronok jugalah, *Okay [Baiklah]*? . Ada lagi?*

**NUH:** Kiranya anugerah tersebut disampaikan dalam bentuk wang? ---

DWM: Disampaikan dalam bentuk ---

**NUH:** Bentuk wang.

DWM: Haa ye ye.

NUH: Wang? *Okay [Baiklah]* *Okay [Baiklah]*.

DWM: Bentuk wang dan juga surat pengiktirafan, disampaikan oleh Menteri Besar. Jadi kerajaan negeri ada menyumbang duit dan juga syarikat-syarikat tertentu, Bank Nasional menganugerahkan juga, jadi banyak jugalah duitnya. Saya pun tak ingat berapa.

NUH: Ada kriteria ke pemilihan sebagai tokoh guru itu?

DWM: Kriteria dia macam tadi la, dia tengok sumbangan kita, peranan kita bukan sahaja di peringkat sekolah tapi di peringkat masyarakat eh. Selepas pencepatan tu apa peranan kita, biasanya kalau kita duduk diam sahaja mungkin tidak ada terlibat dengan aktiviti masyarakat mungkin kurang sikit [sedikit] dia punya markah tu, macam saya, saya terlibat dengan masyarakat, jawatankuasa masjid jadi penggerusi masjid dan kemudian saya terlibat dengan kelas Al-quran ini, jadi saya tidak berhenti selepas bertugas dengan kerajaan itu saya tidak duduk sahaja. Walaupun saya tidak ada NGO tertentu saya terlibat, tetapi saya banyak masa membantu rakan-rakan qariah tertentu. Jadi itu diantara, saya tidak terlibat dengan politik, jadi tidak ada musuh politiklah, jadi saya lebih kepada aktiviti-aktiviti social, aktiviti kemasyarakatan. Sumbangan yang dilihat sumbangan semasa sekolah, masa kita bekerja. Kejayaan-kejayaan di peringkat sekolah, itu semua memberi markah dalam penilaian untuk memilih Tokoh Guru, cuma saya gagal di peringkat kebangsaan la sebab saya bukan tokoh nasional, kalau tokoh nasional mungkin boleh menang, saya tokoh negeri tidak banyak di daerah itu tetapi banyak di daerah saya bertugas, mungkin sumbangan itu nampak besar sedikit. *Okay [Baiklah]?*

NUH: *Okay [Baiklah]* Datuk. Untuk soalan seterusnya, boleh Datuk ceritakan impak selepas Datuk dikurniakan penganugerahan tersebut?

DWM: Aa pertamanya, sudah tentulah saya secara tak langsung saya memikul satu aa [sedang berfikir] apa, trademark Tokoh Guru ye, jadi orang-orang melihat juga ‘oh itu Datuk Wan tokoh guru’ jadi title tokoh guru itu kena jaga jugalah. Jadi saya terpaksa aa [sedang berfikir] apa menjaga title tokoh itu, Tokoh Guru itu besar bagi kalangan pendidik, maknanya saya terpaksa menjadi contoh dan saya terpaksa menjadi rujukan kepada guru-guru atau masyarakat setempat. Macam sekarang ini, kalau diorang ada masalah pun selalunya dia datang ke rumah saya, jumpa saya untuk selesaikan isu-isu yang mereka tidak boleh selesaikan bersama dengan rakan-rakan di sekolah, dengan pengetua mereka, dengan jabatan. Selalunya, dia akan cari saya, mungkin cari saya itu kerana salah satunya kerana Tokoh itu la kot ataupun kerana mereka tahu saya guru, saya juga banyak sumbangan di sekolah jadi

mereka tetap datang. Jadi ini merupakan satu bukan satu tekanan tapi aa [sedang berfikir] saya terpaksa terimalah. Nak kata cabaran itu tidak juga tapi sebagaimana saya kata, tokoh guru dua [2] kali saya terima sudah tentu saya aa [sedang berfikir] menjaga title tokoh itu dengan sebaik mungkin ye, dari segi ilmu dari segi kemahiran dari segi perhubungan dengan masyarakat. Jadi kalau diorang nak pilih calon pun cari tokoh guru juga. Ha itulah contohnya ye. *Okay* [Baiklah]?

**NUH:** *Okay* [Baiklah] hmm adakah penerimaan anugerah ini adalah salah satu impian kejayaan Datuk yang telah tercapai?

DWM: Tidak juga, sebagai mana yang saya kata aa saya tidak mengharapkan gelaran tokoh itu tetapi saya juga merasakan orang lain terutama bahagian pendidikan dia dah menilai sumbangan saya jadi saya terimalah dan saya mainkan peranan setakat yang saya mampu sebagai tokoh itu. Jadi bukan impian saya nak jadi tokoh. Saya tidak bercita-cita, target saya nakkan tokoh, tidak. Bukan begitu eh tapi kita aa [sedang berfikir] mengucapkan terima kasih kepada pihak yang menganugerahkan tokoh itu walaupun ia satu cabaran sebagaimana saya kata terpaksa menjaga title tokoh, saya sudah tentu cuba mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang menimbulkan isu di kalangan masyarakat, menimbulkan perbalahan supaya masyarakat supaya title itu dapat dijaga dengan baik. Ada lagi?

**NUH:** *Okay* [Baiklah], boleh Datuk kongsikan sedikit rahsia kejayaan Datuk untuk Berjaya dalam bidang kerjaya dan kehidupan.

DWM: Dari segi rahsia tu nak kata *takde* [tidak ada]---

**NUH: Rahsia---**

DWM: Rahsia kejayaan. Aa [sedang berfikir] cuma saya seronok melakukan kerja, itu *je* [sahaja]. Saya banyak berserah kepada Allah dan keluarga banyak membantu dan saya selalu redha apa yang berlaku, apa yang saya terima, apa yang saya dapat dan saya cuba baiki kelemahan jika saya merasakan bahawa saya memiliki kelemahan. Kadang-kadang isteri saya juga memberi teguran jika dia merasakan saya ada kekurangan dalam bidang-bidang tertentu, dalam perkara-perkara tertentu. Jadi, rakan-rakan juga banyak membantu, anak-anak saya pun banyak juga memberi pandangan, nasihat pada saya dan semua itu saya terima dengan baik. Saya juga sentiasa mewujudkan hubungan yang baik dengan semua pihak termasuk agensi-agensi yang ada kaitan dengan kerja saya ataupun tidak. Saya terima semua pihak aa teguran semua pihak, dalam PIBG pun kita terima teguran jadi kalau nak anggap itu sebagai rahsia itulah. Jadi kejayaan itu bukan di atas kemahiran yang ada pada diri saya tapi kerana sokongan, kerjasama, nasihat, pandangan daripada orang lain juga. Saya juga banyak

membaca dan saya juga terlibat dengan kursus-kursus di dalam dan luar negara dan saya gunakan sepenuhnya peluang yang saya dapat aa [sedang berfikir] dari segi ilmu, kemahiran yang saya perolehi melalui kursus tadi. Jadi saya memanfaatkan semua sampai sekarang juga, mana-mana tips, ilmu dan buku yang ada catatan kursus saya, saya simpan dan saya baca, mana yang saya boleh guna sekarang saya guna. Jadi itulah diantara nak kata rahsia, saya rajin sikit la. Rajin cari ilmu, cari kemahiran baru. Kalau tidak hidup tidak tercapai, umur saya dah 70, jadi saya tetap ghairah, seronok nak dapatkan benda-benda baru walaupun sukar. *Okay* [Baiklah]?

## BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

**NN: Kita beralih pula kepada sumbangan Datuk sepanjang em penglibatan Datuk dalam bidang kementerian mahupun bidang pendidikan. *Okay* [Baiklah] untuk soalan seterusnya, apakah cara atau kaedah yang Datuk amalkan untuk mendidik pelajar sehingga mereka berjaya hingga ke Menara Gading?**

DWM: Mungkin boleh lihat balik catatan, aa saya dah banyak sebut tadi, dari segi perkara-perkara yang saya sentuh untuk meningkatkan aa [sedang berfikir] pencapaian murid eh, antaranya memberi tumpuan kepada penglibatan pelajar dalam bilik darjah, kemudian saya fokuskan kepada guru, saya sentiasa menggalakkan guru untuk apa [sedang memikirkan ayat] aa merancang, mencari aa apa [sedang berfikir] untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Jadi saya rasa saya pun dah sentuh dah banyak kali tadi, baik dari segi program, dari segi perancangan ini sebab target saya ialah aktiviti dalam bilik darjah itu saya fokuskan. Jadi kejayaan pelajar mesti bermula dari bilik darjah, mesti cikgu mengajar murid belajar, itu *je* [sahaja], mudah sahaja. Jadi itu yang saya focus, memang sebagai pengetua ke, sebagai guru dulu pun saya pastikan saya mengajar dan murid belajar, senaang *je* [sahaja]. *You all* [awak semua] pun macam tu patutnya haha [ketawa]. Jangan harap cikgu mengajar *je* [sahaja] tapi kamu tak belajar, tak boleh. Betul tak? Haa jadi---

**NN: Betul Datuk.**

DWM: Jadi fokus saya aa [sedang berfikir] nak kata rahsia ke apa program saya, itu sahaja. Cikgu mengajar pastikan dia mengajar. Dia masuk kelas tak mengajar, tak jadi eh. Dia duduk atas meja kemudian suruh murid baca buku, dia dah guna masa mengajar tapi tak mengajar. Mengajar ni banyak, banyak benda. Dia terpaksa aa apa [memikirkan ayat] menjalankan aktiviti-aktiviti dalam kelas itu. Permulaannya, aktiviti alat bantu mengajar macam-macam lagi. Latihannya, ulang kaji, soal jawab, ransangan, sumbang saran, macam-macam kaedah.

Jadi cikgu, saya pastikan cikgu mesti ada kaedah tertentu bila berhadapan untuk mengajar murid dan juga berhadapan dengan murid-murid yang mempunyai pengalaman yang berbeza. Jadi, pastikan guru megajar tu dia ada kaedah, ada strategi tertentu, macam mana nak pakai ilmu dan macam mana ada aktiviti pembelajaran, kemudian murid belajar. Murid belajar tu belajar, ada aktivitinya, buat latihan, terlibat dengan soal jawab, ulang kaji pelajaran ada jadual waktu, jadi itu belajarlah. *Dua* [2] benda je [sahaja], cukup senang. Cikgu mengajar, murid belajar berjaya lah, jadi itu je [sahaja] mana-mana saya pergi, sekolah yang saya pergi saya pastikan *dua* [2] benda, guru mengajar murid belajar. Saya tidak fokuskan kepada guru mengajar sahaja, ataupun kepada murid belajar sahaja. *Okay* [Baiklah]?

**NN: *Okay* [Baiklah] Datuk. Em boleh saya tahu macam mana Datuk mencari idea-idea baru untuk pelajaran?**

DWM: *Okay* [Baiklah] aa [sedang berfikir] saya pertama saya melalui pembacaan saya. Pembacaan tu mana Majalah-majalah pendidik, ruangan-ruangan pendidikan dan soal bual atau jurnal atau buku-buku pendidik. Ini tengoklah, kalau saya tengok ada kaitan dengan masalah leadership, saya cari buku leadership, kalau masalah berkaitan dengan teknologi baru saya cari buku teknologi baru aa itu *satu* [1]. Maknanya, melalui pembacaan. *Kedua* [2] melalui latihan. Aa [sedang berfikir] latihan-latihan yang aa banyak saya ikuti. Saya rasa beratus kursus sejak saya mula bekerja sampai saya pencen. Kursus berkaitan dengan aktiviti dalam bilik darjah, kursus kewangan, kursus kepimpinan. Jadi setiap kursus itu saya terlibat dan jika ilmu itu baru, sangat penting saya terpaksa terlibat secara langsung, saya terpaksa mahir, kuasai ilmu tersebut dan saya implimenkan, saya terus praktikkan di sekolah. Jadi itu cara saya memperolehi kemahiran baru, ilmu baru dan fokus saya kalau perkara itu melibatkan kursus peningkatan guru, dan program-program yang baik maka saya seronoklah sebat itu fokus saya. Jadi saya kursus aaa [sedang berfikir] tentang banyak, sampai ke luar negara. Contoh di Ireland saya fokus kepada aktiviti peningkatan aa [sedang berfikir] melalui koperatif-learning, pembelajaran secara kolektif, saya dapat ini di Australia dan Ireland. Koperatif learning atau pembelajaran secara koperatif yang melibatkan pelajar dalam bilik darjah. Jadi, saya kuasai, saya mahir dan saya praktikkan di sekolah sebagai guru, sebagai pengetua saya pastikan ilmu itu juga dipraktikkan kepada guru-guru. Jadi tak dinafikan kursus adalah satu daripada medan untuk saya sendiri untuk mendapat kemahiran baru. Kalau seorang guru itu tidak pernah pergi kursus maka dia akan berada di tahap yang lama. Kursus kepimpinan atau kursus kemahiran selalunya bila ada kemahiran-kemahiran baru akan dipanggilah guru untuk kursus. Dan saya suka kalau guru taknak pergi, saya gantikan. Itulah cara saya untuk mendapatkan kemahiran baru. Selain daripada saya cari

tokoh-tokoh tertentu, kalau saya dapati aa [sedang berfikir] contohlah kawan saya di bank itu dia mahir dalam bidang ICT ataupun kewangan, saya mintak, saya pergi belajar dengannya, dengan kawan berkenaan. Misalnya sebagai pengetua, saya kena tahu pengurusan kewangan jadi saya kena pergi cari ilmu mengurus kewangan supaya saya dapat melicinkan perjalanan pengurusan kewangan sekolah. *Okay [Baiklah]?*

NN: ***Okay [Baiklah] em soalan seterusnya, apakah nilai-nilai murni yang Datuk terapkan dalam diri pelajar Datuk dahulu?***

DWM: *Okay [Baiklah]* sebagaimana yang saya kata tadi, saya juga banyak sentuh aaa [sedang berfikir] *tiga* [3] benda dia mesti tahu, 3 perkara dia mesti tingkatkan *Okay [Baiklah]*. *Satu* [1], ilmu. Ilmu yang dia belajar, dia kena kuasai ilmu baru. *Kedua* [2] kemahiran, *skill*, tadi *knowledge* [ilmu pengetahuan], *dua* [2] *skill* kemahiran. Kemahiran itu kemahiran apa-apa sahajalah. Jadi, dia tak boleh tahu ilmu tapi *takde* [tidak ada] kemahiran. Kemahiran computer? Dia kena belajar. Setiap pelajar, setiap cikgu mesti kuasai. Dan yang *ketiga* [3] ialah akhlak. Akhlak juga sebagai seorang Melayu, sebagai orang Islam dia kena kuasai. Makna, selalu melakukan benda-benda yang baik. Selalu mengamalkan nilai-nilai murni, itu akhlak. Maknanya, menjauhi perkara-perkara terlarang dalam agama. Jadi ini selalu fokus saya, penerapan itu berlangsung secara tak langsung ataupun langsung. Saya tekan, secara tak langsung ialah aktiviti-aktiviti yang berlaku di sekolah sama ada di kantin dalam aktiviti sukan, semua itu dia mesti terap. Ilmu, *skill* [kemahiran] kemudian akhlak. Dia tak boleh berilmu tinggi, ada kemahiran tinggi tapi akhlak teruk. Maknanya jahat, tidak menjadi orang yang baik, tidak mengamalkan nilai murni, tidak boleh. Atau, dia seorang yang baik, jujur, amanah tapi *takde* [tidak ada] kemahiran dan *takde* [tidak ada] ilmu, tidak boleh. *Tiga* [3] benda ni mesti, betul tak? Jadi ini... anak saya pun saya terapkan, isteri saya pun sama, semua. Saya memang *tiga* [3] benda ini selalu saya tekankan, rakan-rakan pun sama. Jadi aaa [sedang berfikir] dia tidak boleh jadi orang yang baik tapi tidak ada kemahiran, tidak ada ilmu, jadi tak boleh jadi orang yang berilmu, orang yang berkemahiran tinggi tapi jahat, tidak boleh. Betul? Haa---

NN: **Betul.**

DWM: [Ketawa]. *Okay [Baiklah] sorry [maaf] lah.*

NN: **Takpe, takpe.**

DWM: Em aa adaaa, em berdasarkan apa aa temubual kita ini, rasa-rasa dah boleh membantu anda semua untuk menyiapkan kertas kerja? [bertanya kepada kami]

NN: **Insya-Allah, membantu, tapi lagi soalan Datuk.**

DWM: Apa banyak sangat ni [ketawa kecil]---

NN: **Ada sedikit lagi---**

DWM: Sikit lagi?---

NN: **Boleh kita teruskan? Sikit je---**

DWM: Boleh boleh.

NN: **Sikit je lagi.**

DWM: Haa *Okay* [Baiklah] *Okay* [Baiklah].

NN: ***Okay* [Baiklah] untuk soalan seterusnya, sejurnya, apakah yang Datuk ingin sumbangkan dalam bidang perguruan untuk golongan masyarakat.**

DWM: *Okay* [Baiklah], saya... sama ada saya sebagai pentadbir dulu ataupun sekarang pun saya dah pencen,

apa yang saya selalu nyatakan pada kawan-kawan dan juga masyarakat setempat supaya mereka sentiasa, *satu* [1] membantu pihak sekolah, memberi kerjasama sepenuhnya sebab kita lihat semasa saya menjadi pengetua dahulu, ada ibubapa yang tidak terlibat, maksudnya dia tidak datang mesyuarat dia tidak cakna, dia tak kesah anak-anak dia tapi bila anak dia gagal dia akan salahkan sekolah. *Okay* [Baiklah], *kedua* [2] saya mengharapkan sangat, sentiasa mengharapkan ibubapa sentiasa bekerjasama membantu pihak sekolah dan menganggap sekolah itu sebahagian daripada kehidupan mereka juga. Jadi, saya selalu sarankan supaya ibubapa, tak kesahlah dia ada anak ke *takde* [tidak ada] anak dia mesti anggapkan sekolah juga merupakan sebahagian daripada satu kehidupan mereka sebab saya selalu bagitahu tidak ada seorang pun di negara kita atau di dunia ini yang tidak terlibat dengan sekolah, dia mesti, bukan anak dia sahaja, dia tu dulu mesti ke sekolah, dia pernah berada di sekolah jadi macam mana dia boleh pisahkan hidup dia dengan sekolah, tidak boleh. Jadi, dia tidak boleh menyalahkan sekolah dalam semua benda. Sekarang kita tengok, sikit-sikit salah sekolah, kalau budak jahat cikgulah tak betul, kalau budak tu *failed* [gagal] cikgu tak reti mengajar, mana boleh macam itu. Tidak boleh. Jadi dia kena bantu, sentiasa membantu, sentiasa memberi sumbangan pemikiran ataupun tenaga ataupun kewangan. Kalau orang kaya tak salah bagi computer ke, bagi duit untuk sekolah. Haa, jadi benda ini kalau boleh masyarakat, dia berbeza dengan masyarakat. Saya di Australia, kursus, ibubapa dia memang tiptop, penglibatan masyarakat di sekolah. Hari Sabtu, Ahad diorang pergi ke sekolah, bersih sekolah, bersih tandas, potong rumput. Kalau kita, mana ada, tidak ada. Jadi, memang saya

rasa terkilan jugalah kalau masyarakat selalu melihat kelemahan sekolah daripada membantu pihak sekolah. Harap faham.

**NN: Ye faham Datuk. Okay [Baiklah] untuk soalan seterusnya, bagaimana pula sumbangan Datuk kepada negara?**

DWM: Itu besar sangat. Jangan, saya tak tahu nak jawab soalan ini tapi apa yang saya buat di sekolah, di peringkat kelas, di peringkat sekolah, di peringkat masyarakat itu secara langsung saya anggap sudah aaa [sedang berfikir] saya membantu untuk memajukan negara ye. Jadi, walaupun sumbangan saya kecil tapi saya berusaha sedaya upaya untuk memastikan hasrat negara kita untuk maju itu, saya sudah *share* [kongsi] disitu. Contoh, Kementerian Pendidikan aa [sedang berfikir] *satu* [1] contoh Kementerian Pendidikan nak supaya sekolah menjayakan falsafah pendidikan negara, contoh. Jadi saya rasa saya dah menjalankan tugas dan tanggungjawab saya memastikan falsafah pendidikan negara itu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di sekolah. Jadi, *takdelah* [tidak ada] sumbangan besar, tidak ada, tapi penglibatan saya di sekolah, dalam kelas di sekolah memang aaa secara tak langsung melahirkan pelajar-pelajar yang Berjaya. Ramai pelajar-pelajar saya yang terlibat sebagai doktor, guru, *lawyer* [peguam] pun ada, pegawai polis dan yang paling... *sorang* [seorang] anak murid saya, korang mesti kenal punya. Tau sapa? Siti Nurhaliza itu anak murid saya. Dato' Sitinurhaliza-

--

**NN: Oh yeke?**

DWM: Haa, tu anak murid saya---

**NN: Oh.**

DWM: Itu.. kalau jumpa dia tanya saya, mesti dia kenal---

**NN: Masa tu dia dah jadi penyanyi ke?**

DWM: Dia tak menyanyi tapi dia usahawan, dia korporat besar. Dia memberi sumbangan yang besar dalam ekonomi negara. Jangan lihat dari segi nyanyian *je* [sahaja], kita lihat dia punya..dia ramai pekerja yang bekerja dengannya dan dia terlibat dengan banyak NGO, banyak membantu masyarakat. Jadi, mungkin nilai-nilai yang baik yang saya tanam tu [ketawa kecil] menjadikan dia orang yang sentiasa prihatin kepada masyarakat, Siti Nurhaliza.

**NN: Betul betul.**

DWM: [ketawa] Jadi, jasa saya bukan secara langsung tetapi secara tidak langsung, ramai anak

murid saya terlibat dalam memajukan negara, semua peringkat. Ada yang jadi tukang kebun, ada yang jadi *driver* [pemandu], ada yang jadi doktor, *lawyer* [peguam], penyanyi tu haa usahawan pun ramai, jadi mereka inilah yang aaa apa [memikirkan ayat] hasil daripada kerja ataupun tugas saya sebagai guru. Semuanya bermula dengan guru, semuanya bermula daripada aktiviti dalam bilik darjah. Jadi itulah diantara yang boleh saya fikir tentang sumbangan saya, saya bukan wkl rakyat, saya bukan menteri eh jadi aa [sedang berfikir] sumbangan saya melalui hasil kerja saya di sekolah. *Okay* [Baiklah]? [ketawa kecil]

## BAHAGIAN 7: HARAPAN

**NUH: Baiklah Datuk, terlalu banyak yang telah Datuk kongsikan bersama kami. Bagi mengakhiri sesi temu bual ini, apakah harapan Datuk yang masih belum tercapai?**

DWM : Aaa [sedang berfikir] umur saya *tujuh puluh* [70] takde lagi takde semua dah saya dah rasa. Takde apa yang saya nak lagi cuma saya nak melahirkan juga ramai aaa [sedang berfikir] apa rakan-rakan, orang-orang yang buta Quran kepada celik Al-Quran. Jadi saya fokus itu lah sekarang. Ok itu nak melahirkan ramai aa [sedang berfikir] golongan yang dewasa aaa [sedang berfikir] celik Quran. Sebab kita tengok sekarang ni golongan generasi muda, anak-anak semua menguasai Quran ya. Generasi yang lahir tahun 50-an, 60-an, 70-an kurang terdedah kepada aktiviti keagamaan khususnya belajar Quran. Mereka tak kenal huruf. Tapi generasi yang yang baru lahir dalam 90-an, 2000 atau 80-an, mereka telah dididik dengan sistem sekolah yang dah fokus kepada Al-Quran, celik Al-Quran. Generasi yang lahir dulu agak kurang jadi ini sasaran saya. Saya selalu, saya bukan reti sangat tapi saya nak saya dan pelajar juga ikuti kursus sebagainya dan saya nak mereka ini kenal huruf, boleh baca dan lepastu diorang belajar dengan orang lain pulak. Jadi saya pecahkan rasa malu mereka sebab saya tengok ramai yang pergi surau, masjid tapi bila baca Yassin diorang lari. Dia lari tu bukan dia taknak baca, dia tak reti baca, tak boleh baca. Jadi inilah yang saya menjadi fokus saya ajak diorang pergi kelas, jumpa dengan kawan-kawan supaya diorang boleh membaca, boleh kenal huruf Al-Quran, boleh baca Al-Quran. Itu diantara saya punya tumpuan lah sekarang ni.

**NUH : Baiklah Datuk, soalan terakhir. Apakah pandangan dan nasihat Datuk terhadap golongan muda untuk menceburi bidang pendidikan atau perkhidmatan di kementerian?**

DWM : Jadi aaa [sedang berfikir] dia tak takkan lari daripada tiga perkara tu. Mula-mula sekali kalau nak jadi cikgu pertama dia minat, kalau dia tak minat, dia tak, minat ni maksudnya dia mesti menguasai, mengetahui apakah peranan seorang guru, apa ciri-ciri guru, dia kena tahu tugas

dan tanggungjawab guru. Kalau dia rasa dia minat, dia boleh. Kalau rasa dia tak minat, dia ada benda lain pilihan lain, dia suka jadi askar, dia suka jadi polis, bomba, ataupun buat bisnes sendiri. Guru tu pilihan ketiga keempat tak boleh, jangan jadi. Guru hanya untuk orang yang mahu jadi guru. Ya, bila dia dah jadi guru, dia mesti sentiasa meningkatkan tiga perkara tadi. Ilmu, ilmu yang dia mengajar, *content knowledge* [kandungan pengetahuan] dia kemudian kedua, kemahiran dia mesti kemahiran mengajar, kemahiran menyoal, kemahiran mendengar, kemahiran komunikasi, ini semua kemahiran. Ya, dia mesti tahu kemahiran ICT, dia mesti belajar. Yang ketiga akhlak. Tingkah laku dia nilai hidup dia, tingkah laku dia mesti sentiasa berpandukan agama dan hajat fokus dia. Dia tak boleh lari, ya. Jadi kalau tiga tu dia tak kuasai, dia belum jadi cikgu yang baik, dia tak boleh jadi Pegawai Pendidikan, dia tak boleh jadi PPD, dia tak boleh jadi Pegawai di Kementerian. Nak jadi Pegawai di Kementerian tu dia mesti menguasai ilmu yang tinggi. Maknanya, kalau dia jadi PPD pun dia mesti jadi rujukan, tempat rujukan, tempat rujukan pengetua di sekolah. Contoh dia jadi Pegawai Pendidikan Daerah, di sekolah ada dia ada seratus sekolah dan ada seratus pengetua. Pengetua tu dapat rujukan daripada mana? PPD lah. Jadi dia mesti ada ilmu, ilmu [senyum] macam-macam ilmu kalau pengetua ada masalah, siapa yang nak selesaikan? PPD yang selesai. Jadi kalau dia rasa dia tak mahu menguasai ilmu, tak mahu belajar, tak mahu meningkatkan ilmu, jangan jadi PPD. Jadi, nasihat saya tak kiralah nak jadi apa dia mesti kuasai ilmu kemahiran dan juga akhlak. Tiga benda tadi lah, nak jadi pelajar *youalls* [awak semua] pun mesti kuasai tiga. Esok nak jadi apa, nak jadi Pegawai Bank mesti kena kuasai tiga perkara. Dia elok jadi Pegawai Bank tapi akhlak teruk buat apa? Betul? Aaa [sedang berfikir] dia ingat je tiga sekurang-kurangnya ilmu yang saya bagi ni tiga ni kena jadikan satu amalan apa saja. Nak jadi itu ibu, mesti kuasai tiga perkara. Betul? Ilmu, ilmu mendidik anak. Kemudian ada kemahiran pula, nak didik akhlak kena baik. Mana ada kalau ibu, ibu akhlak dia tak baik, anak sah tak baik. Betul tak?

**NN : Betul Datuk.**

DWM : Haa tu lah, itu lah ya apa yang saya fokus dari dulu sampai sekarang pun. Habis dah?  
[senyum]

**NN : Ok, terima kasih Datuk kerana menjawab semua soalan kami.**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat sebagai seorang Tokoh Guru Pahang pada tahun 2016 dan sepanjang berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan dari tahun 1976 hingga tahun 2007. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang perguruan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## **RUJUKAN**

Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat. (2021, January 21). Tokoh Guru Pahang 2016. (Nik Muhammad Adib Aiman Bin Nik Yahya, Nur Umira Husna binti Mat Rawi, & Nornisrina Binti Nordin , Interviewers)

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021, February 15). *Jabatan Pendidikan Negeri Pahang*.

Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia:

<https://www.moe.gov.my/korporat/jabatan/jabatan-pendidikan-negeri-pahang>

## LAMPIRAN

### LOG WAWANCANA

Nur Umira Husna binti Mat Rawi, Nornisrina Binti Nordin dan Nik Muhammad Adib Aiman menemubual Tuan Haji Mohd Nor, yang dilahirkan pada 9 November 1951 di Kg Kemahang, Kuala Lipis, Pahang. Temubual ini dijalankan di platform online Gmeet pada pukul 9:40 hingga 12 tengahari mengenai pengalaman beliau sebagai seorang guru dan pengarah dari tahun 1971 hingga 2016.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
11:40	Menceritakan tentang pekerjaan dan status anak beliau yang berjaya dalam karier masing-masing.	Guru (anak pertama , kedua , ketiga, keenam) Pengusaha (anak keempat) Bekerja di Pos (anak kelima) Syarikat pembinaan (anak ketujuh) Bekerja sendiri (anak kelapan)
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
14:32	Mendapat pendidikan awal persekolahan.	Sekolah Menengah Clifford Kuala Lipis dan Alam Shah di Cheras Kuala Lumpur.
15:08	Melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti pada tahun 1952.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
21:28	Menceritakan sahabat baik yang masih berhubung sehingga kini.	Datuk Shahrudin Ahmad
<b>BAHAGIAN 3: SEJARAH/PENGALAMAN DI ZAMAN UNIVERSITI</b>		
35:14	Menceritakan rahsia kejayaan sehingga mampu mencapai cita-cita sebagai seorang pendidik dengan nasihat daripada keluarga.	Arwah bapa
<b>BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA</b>		

37:47	Berkongsi pengalaman bekerja selepas tamat pengajian pada tahun 1976.	Kementerian Pendidikan.
53:00	Menceritakan cabaran yang dihadapi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan kementerian.	Pengarah di Institut Aminuddin Baki
<b>BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN/AWARDS</b>		
1:37:34	Berkongsi pencapaian yang diterima sepanjang terlibat dalam bidang pendidikan.	Tokoh Kepimpinan Guru, Tokoh Guru

### DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10:00 Pagi – 12:00 Tengahari	16 Nov 2020	<u>Pertama Kali Menghubungi Tokoh.</u>  Cuba menghubungi tokoh melalui pelbagai media sosial untuk mendapatkan nombor telefon tokoh supaya mudah dihubungi melalui aplikasi Whatsapp.	Mencuba pelbagai inisiatif yang ada supaya dapat nombor telefon tokoh.
10 Pagi – 11:30 Pagi	18 Nov 2020	<u>Berhubung Dengan Anak Tokoh Di Aplikasi Instagram</u>  Pertama kali berhubung dengan anak perempuan tokoh untuk mendapatkan nombor telefon kerana tokoh jarang bermain media sosial.	Memberitahu kepada anak tokoh mengenai tujuan kenapa mencari tokoh serta memberi bukti Surat Pengesahan Projek Pelajar UiTM.

9:12 Pagi	22 Nov 2020	<u>Panggilan Telefon</u>  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama melalui aplikasi Messenger. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah tetapi terputus secara tiba-tiba.	Tidak sempat bertanyakan khabar kerana panggilan terputus secara tiba-tiba.
10:22 Pagi – 10:46 Pagi	22 Nov 2020	<u>Memperoleh Nombor Telefon</u>  Anak perempuan tokoh telah membalaas permintaan dan memberi nombor telefon ayahnya melalui aplikasi Messenger.	Menyimpan nombor telefon tokoh untuk dihubungi.
12:24 Tengahari – 1:00 Tengahari	23 Nov 2020	<u>Menghantar Mesej</u>  Menghantar mesej melalui aplikasi Whatsapp kepada tokoh untuk pertama kali. Mesej dihantar adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	Menyiapkan soalan untuk proses temubual serta dokumen yang perlu dihantar melalui Whatsapp.
1:10 Petang – 3:29 Petang	23 Nov 2020	<u>Menunggu Persetujuan Tokoh</u>  Menunggu persetujuan daripada tokoh untuk ditemubual sambil bersempang secara spontan.	Menyediakan soalan spontan untuk bersempang supaya ada pengisian.
3:30 Petang	23 Nov 2020	<u>Mendapat Persetujuan</u>  Kami telah mendapat persetujuan daripada tokoh untuk ditemubual	Menyiapkan soalan untuk proses temubual.

		selepas tokoh menerima dan membaca Surat Pengesahan Projek Pelajar UiTM Cawangan Kelantan.	
3:31 Petang – 4:03 Petang	23 Nov 2020	<u>Bersempang di Whatsapp</u>  Mula bersempang secara spontan dan sedikit sebanyak mengenai tokoh kenapa dipilih dan sebagainya.	Menyediakan soalan spontan untuk bersempang supaya ada pengisian.
9:19 Malam – 10:56 Malam	23 Nov 2020	<u>Tokoh Meminta Soalan Temubual</u>  Tokoh menghantar mesej untuk meminta soalan temubual yang akan ditanya sebagai persediaan sebelum bermulanya temubual dan bersempang secara spontan.	Memberitahu tokoh dahulu sebelum menghantar perlu menanyakan pensyarah dahulu sama ada boleh menghantar soalan temubual.
12:15 Tengahari – 3:48 Petang	14 Dis 2020	<u>Mesej Tokoh Untuk Bertanya Khabar</u>  Menghantar mesej kepada tokoh untuk bertanya khabar serta memberitahu tarikh untuk memulakan temubual dan mendapat persetujuan dari kedua-dua belah pihak.	Membuat persetujuan untuk kedua-dua belah pihak.
2:21 Petang – 2:20 Petang	23 Dis 2020	<u>Mesej Tokoh Di Whatsapp</u>  Menghantar mesej untuk memberitahu maklumat mengenai temubual yang akan dilakukan. Memberitahu tokoh platform yang akan digunakan untuk temubual dan	Memberitahu sedikit sebanyak aliran untuk proses temubual kepada tokoh dan memberitahu menggunakan aplikasi Google Meet.

		juga memberitahu semula tarikh baharu untuk ditemubual disebabkan soalan temubual belum siap dan tokoh memerlukan masa untuk membuat persediaan.	
2:21 Petang – 2:23 Petang	23 Dis 2020	<p><u>Menghantar Soalan Temubual</u></p> <p>Menghantar mesej melalui aplikasi Whatsapp adalah bertujuan untuk menghantar soalan temubual kepada tokoh sebagai persediaan tokoh sebelum bermulanya temubual.</p>	Menghantar soalan temubual yang telah dibaiki kepada tokoh.
6:42 Petang – 6:49 Petang	8 Jan 2021	<p><u>Menghantar Whatsapp</u></p> <p>Menghantar Whatsapp kepada tokoh adalah bertujuan untuk bertanyakan khabar dan memberitahu tokoh sama ada sudah bersedia atau tidak untuk ditemubual pada esok hari. tokoh juga memberitahu bahawa beliau tidak bersedia untuk ditemubual esok hari kerana terlupa bahawa esok adalah hari temubual. Maka, temubual kami ditangguhkan kepada hari lain.</p>	Bertanyakan khabar sama ada sudah bersedia atau belum untuk ditemubual.
7:04 Malam – 8:00 Malam	8 Jan 2021	<p><u>Meminta Pendapat Tokoh</u></p> <p>Menghantar Whatsapp kepada tokoh adalah bertujuan untuk meminta pendapat tokoh bilakah tarikh dan masa yang sesuai untuk ditemubual</p>	Meminta pendapat tokoh kerana dapat mengetahui bilakah tokoh mempunyai masa lapang untuk ditemubual.

		selepas tokoh sudah membuat persediaan yang sebaiknya.	
8:22 Malam – 8:28 Malam	8 Jan 2021	<p><u>Mendapat Persetujuan</u></p> <p>Tokoh memberitahu bahawa beliau bersetuju untuk ditemubual pada tarikh 15 Jan 2021 pada pukul 10 Pagi. Kami juga memberitahu tokoh bahawa ada pertambahan ahli dalam kumpulan supaya tokoh tidak berasa tertanya-tanya dan menjemput tokoh untuk menyertai kumpulan kami dalam Whatsapp dan memberi peluang kepada tokoh untuk berkenalan dengan ahli kumpulan yang lain.</p>	Mendapat persetujuan kedua belah pihak dan memberitahu tokoh mengenai pertambahan ahli dalam kumpulan.
12:46 Tengahari - 5:36 Petang	9 Jan 2021	<p><u>Tokoh Menyertai Kumpulan</u></p> <p>Tokoh menyertai kumpulan kami dan sesi suai kenal antara tokoh dan ahli semakin rapat. Terlalu banyak kami bersempang bersama tokoh.</p>	Memasukkan tokoh ke dalam kumpulan Whatsapp supaya dapat berkenalan dengan lebih rapat lagi.
11:58 Pagi – 2:53 Petang	14 Jan 2021	<p><u>Tokoh Meminta Persetujuan Untuk Menangguhkan Temubual</u></p> <p>Tokoh menghantar mesej dalam kumpulan Whatsapp kami dan memberitahu bahawa temubual pada 15 Jan 2021 pada pukul 10 Pagi tidak dapat dijalankan kerana tokoh</p>	Bersetuju untuk penangguhan disebabkan tokoh mempunyai temujanji di Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan.

		mempunyai temujanji di Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan.	
3:13 Petang – 3:29 Petang	14 Jan 2021	<u>Bersetuju Untuk Ditemubual</u>  Tokoh bersetuju untuk ditemubual pada keesokkan harinya iaitu 16 Jan 2021 pada pukul 9 pagi menggunakan platform Google Meet.	Membuat catatan supaya tidak terlepas tarikh tersebut.
8:31 Pagi – 8:33 Pagi	15 Jan 2021	<u>Tokoh Menghantar Bukti</u>  Tokoh menghantar gambar sebagai bukti bahawa beliau berada di Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan pada pukul 8:31 Pagi.	Memberi tindak balas yang baik dalam kumpulan Whatsapp.
8:37 Pagi – 8:49 Pagi	15 Jan 2021	<u>Meminta Semula Soalan Temubual</u>  Tokoh meminta semula soalan temubual yang telah diberikan pada bulan lepas kerana tidak menjumpai fail yang telah dimuat turun dahulu. Kami juga memberikan Surat Perjanjian Sejarah Lisan kepada tokoh untuk ditandatangani sebagai tanda bersetuju untuk ditemubual oleh kami.	Menghantar semula soalan temubual yang telah dibaiki serta Surat Perjanjian Sejarah Lisan.
10:57 Pagi – 11:09 Pagi	15 Jan 2021	<u>Tokoh Telah Bersetuju</u>  Tokoh telah menghantar Surat Perjanjian Sejarah Lisan yang telah	Menerima dan menyimpan surat perjanjian

		ditandatangani oleh beliau sebagai tanda bersetuju untuk ditemubual.	
8:51 Pagi – 9:30 Pagi	16 Jan 2021	<p><u>Pertanyaan Khabar Tokoh</u></p> <p>Kami bertanyakan khabar tokoh sama ada telah bersedia untuk ditemubual dan sebelum bermulanya temubual, terdapat sedikit masalah teknikal dan bergelut selama 30 minit sebelum bermulanya temubual kerana tokoh tidak pandai menggunakan aplikasi Google Meet. Oleh itu, kami memberitahu tokoh bagaimana hendak menggunakan aplikasi Google Meet tersebut.</p>	Memberitahu bagaimana hendak menggunakan aplikasi Google Meet.
9:40 Pagi – 12:13 Tengahari	16 Jan 2021	<p><u>Temubual Dilakukan</u></p> <p>Temubual dilakukan pada pukul 9.40 Pagi hingga 12:13 Tengahari selama 2 jam 33 minit menggunakan aplikasi Google Meet.</p>	Mencatakan, merekodkan video dan audio untuk proses transkrip selepas temubual.

## **SENARAI SOALAN**

### **DATUK WAN MUSTAMA WAN ABDUL HAYAT (TOKOH GURU PAHANG 2016)**

#### **SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA DATUK WAN MUSTAMA WAN ABDUL HAYAT**

Pengenalan: [rakam sebelum temubual]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang perguruan. Bersama-sama kami ialah Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat yang merupakan seorang Tokoh Guru Pahang pada tahun 2016. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 Disember 2020 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 12:00 Tengahari secara atas talian bertempat di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Umira Husna Binti Mat Rawi dan Nornisrina Binti Nordin. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

#### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

**Assalamualaikum Datuk, kami ingin bertanya mengenai latar belakang Datuk. Boleh Datuk nyatakan:**

1. Apakah nama penuh Datuk?
2. Bilakah Tarikh lahir Datuk?
3. Dimanakah Datuk dilahirkan serta dibesarkan?
4. Dimanakah tempat menginap Datuk sekarang?
5. Sebelum itu, dimanakah tempat lain yang pernah Datuk menginap?
6. Bilakah bilangan adik beradik dalam keluarga Datuk?
7. Dan Datuk anak yang ke berapa?
8. Adakah Datuk mempunyai nama timangan semasa kecil?
9. Siapakah nama ibu dan bapa Datuk?
10. Apakah pekerjaan ibu dan bapa Datuk semasa membesar Datuk?
11. Dimanakah ibu dan bapa Datuk bekerja?
12. Pada tahun bilakah Datuk mendirikan rumah tangga?
13. Dan boleh bagitahu kami nama penuh isteri Datuk?
14. Hasil perkahwinan tersebut, Datuk dikurniakan berapa orang cahaya mata?
15. Apakah nama-nama anak Datuk dan umur mereka serta status mereka?

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**Berkenaan dengan sejarah pendidikan, boleh Datuk ceritakan kepada kami:**

16. Dimanakah Datuk mendapat pendidikan awal?
17. Dimanakah Datuk bersekolah rendah dan menengah?
18. Dan pencapaian Datuk semasa peringkat sekolah?
19. Bagaimanakah Datuk pergi ke sekolah? (Jalan kaki/ basikal/ kereta/ motor/ bas)
20. Dalam bidang akademik semasa dizaman sekolah, subjek apakah yang paling diminati dan paling tidak diminati oleh Datuk?
21. Dalam bidang kurikulum pula, adakah Datuk aktif dalam mana-mana persatuan dan terlibat dalam sukan?
22. Siapakah teman persekolahan yang paling diingati dan masih rapat sehingga sekarang?
23. Apakah kenangan manis dan pahit sepanjang Datuk di zaman persekolahan?
24. Apakah cita-cita dan hobi Datuk ketika itu?

## **BAHAGIAN 3: SEJARAH/PENGALAMAN DI ZAMAN UNIVERSITI**

**Bagi sejarah atau pengalaman di zaman university pula:**

25. Selepas tamat zaman persekolahan, adakah Datuk melanjutkan pelajaran atau bekerja dahulu?
26. Jika melanjutkan pelajaran, dimanakah Datuk menyambung pengajian? Dan apakah kursus yang diambil oleh Datuk sewaktu menyambung pengajian?
27. Mengapakah Datuk mengambil kursus tersebut di Universiti? Adakah pilihan keluarga atau pilihan sendiri?
28. Semasa bergelar pelajar, apakah cabaran yang dihadapi Datuk?
29. Bagaimana Datuk menghadapi cabaran tersebut?
30. Adakah Datuk pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang pembelajaran?
31. Bolehkah Datuk berkongsi sedikit rahsia kejayaan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap tertinggi?

## **BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJA**

**Jika tidak keberatan, kami ingin Datuk kongsikan bersama pengalaman kerja Datuk:**

32. Pada tahun berapakah Datuk mula bekerja selepas tamat pengajian?

33. Datuk pernah berkhidmat dalam perkhidmatan kementerian. Boleh ceritakan pengalaman Datuk sepanjang dalam kementerian tersebut?
34. Boleh Datuk ceritakan perjalanan Datuk semasa memegang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan Guru?
35. Dan apakah skop tugas Datuk ketika itu?
36. Berapa lamakah tempoh Datuk bekerja dalam jawatan tersebut?
37. Datuk juga pernah bekerja dalam Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang. Boleh ceritakan sedikit pengalaman bekerja di sana?
38. Apakah sumbangan terbesar Datuk ketika memegang jawatan tersebut?
39. Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan di kementerian?
40. Selain itu, Datuk juga pernah menjadi pengetua sekolah. Boleh Datuk ceritakan pengalaman Datuk semasa menjadi pengetua sekolah?
41. Bagaimana Datuk menceburkan diri dalam bidang pendidikan?
42. Siapakah orang yang sentiasa memberi galakan dan motivasi kepada Datuk sewaktu memegang jawatan tersebut?
43. Apakah cabaran yang Datuk hadapi semasa menjadi pengetua sekolah?
44. Bagaimana Datuk mengatasi cabaran tersebut?
45. Apakah tugas dan tanggungjawab sebagai pengetua sekolah?
46. Bagaimana pengalaman menjadi seorang pendidik?
47. Berapa lamakah pengalaman Datuk menjadi pendidik?
48. Pada pendapat Datuk, bagaimana hendak menjadi seorang pendidik yang cemerlang?
49. Apa pandangan Datuk berkenaan mengajar sebagai satu profession?
50. Apakah ciri-ciri atau kriteria yang diperlukan untuk menjadi guru cemerlang?
51. Bagaimana Datuk memotivasi rakan sejawat bagi meningkatkan profesionalisme?
52. Apakah matlamat peribadi Datuk sebagai seorang guru sekolah?
53. Pada pendapat Datuk, adakah nilai kepimpinan penting bagi seorang guru?
54. Sebagai guru berpengalaman, bolehkah Datuk kongsikan dengan kami bagaimana Datuk mengatasi perubahan dalam suasana pendidikan masa kini?
55. Selain terpilih sebagai Tokoh Guru Pahang, apakah penganugerahan lain yang pernah Datuk terima terutamanya dalam bidang pendidikan?
56. Pada tahun berapakah Datuk bersara dalam bidang pendidikan?
57. Apakah pengalaman pahit dan manis sepanjang Datuk berkhidmat sebagai pendidik?

## **BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN/AWARDS**

**Bagi pencapaian sepanjang Datuk bekerja dalam bidang kementerian atau pendidikan, apakah penganugerahan yang Datuk terima. Berdasarkan kepada hasil carian kami:**

58. Pada tahun 2016, Datuk telah dipilih sebagai Tokoh Guru Pahang, apakah perasaan datuk ketika itu? Boleh kongsikan?
59. Adakah penganugerahan tersebut dalam bentuk wang atau sebaliknya?
60. Apakah kriteria yang diperlukan bagi pemilihan sebagai Tokoh Guru tersebut?
61. Boleh Datuk ceritakan apakah impak selepas Datuk dikurniakan penganugerahan tersebut?
62. Adakah penerimaan anugerah ini adalah salah satu impian kerjaya Datuk yang telah tercapai?
63. Adakah Datuk merasakan bahawa teknologi pendidikan menyumbang ke arah peningkatan jumlah guru berinovasi.
64. Pada pendapat Datuk, bagaimanakah seorang guru itu boleh melaksanakan inovasi dalam pengajarannya?
65. Bolehkah Datuk berkongsi sedikit rahsia kejayaan Datuk untuk berjaya dalam bidang kerjaya dan kehidupan?

## **BAHAGIAN 6: SUMBANGAN**

**Kita beralih pula kepada sumbangan Datuk sepanjang penglibatan Datuk dalam bidang kementerian mahupun bidang pendidikan:**

66. Apakah cara atau kaedah yang Datuk amalkan untuk mendidik pelajar sehingga mereka Berjaya hingga ke Menara gading?
67. Bagaimana Datuk mencari idea-idea baru untuk pelajaran?
68. Apakah sumbangan Datuk kepada sekolah atau institusi pendidikan selepas dianugerahkan sebagai Tokoh Guru?
69. Apakah nilai-nilai murni yang Datuk terapkan dalam diri pelajar Datuk dahulu?
70. Dan apakah konsep yang datuk gunakan?
71. Sejujurnya, apakah yang Datuk ingin sumbangkan dalam bidang perguruan untuk golongan masyarakat?
72. Bagaimana pula sumbangan Datuk kepada negara?

## **BAHAGIAN 7: HARAPAN**

**Baiklah Datuk, terlalu banyak yang telah Datuk kongsikan bersama kami. Bagi mengakhiri sesi temu bual ini:**

73. Apakah pandangan dan nasihat Datuk terhadap golongan muda untuk menceburi bidang pendidikan atau perkhidmatan di kementerian?
74. Selepas bersara adakah Datuk masih terlibat lagi dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan?
75. Apakah harapan Datuk yang masih belum tercapai?
76. Apakah rancangan Datuk selepas ini?

77. Dan apakah harapan Datuk mengenai anak muda atau pelajar yang ingin menyambung dalam bidang tersebut?

Penutup: [rakam selepas temubual]

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Datuk Wan Mustama Wan Abdul Hayat sebagai seorang Tokoh Guru Pahang pada tahun 2016 dan sepanjang berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan dari tahun 2008 hingga tahun 2016. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang perguruan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Wan Mustama Bin Wan Abdul Hayat K/P: 511109065487 pada 14 Januari 2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/tuntutan dari mana-mana pihak.  
Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apaapa ndakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakul Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/dak perlu disemak oleh tokoh interviewee ).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila pekan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik penyelidik.

(Nama tokoh Wan Mustama Bin Wan Abdul Hayat)

Tarikh: 14 Januari 2021

(Nama pensyarah: Nurulannisa Bin Abdullah )

b.p.Dekan

Fakul Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

## **GAMBAR**



**BERSAMA DATUK WAN MUSTAMA WAN ABDUL HAYAT**

## **INDEK**

### **B**

Bahagian Pendidikan Guru, 14, 15, 16, 17,  
18, 35, 48, 50

Pengetua Sekolah, 18, 19, 20, 21

Pengarah Pendidikan Guru, 14

Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG),  
35

### **D**

Diploma Pendidikan, 10, 13

### **S**

Sekolah Menengah Clifford Kuala Lipis, 7

### **I**

Institut Aminuddin Baki, 14, 16, 17

### **T**

Timbalan Pengarah Aminuddin Baki,  
14

### **K**

Kementerian Pendidikan, 14, 15, 18, 32,  
35, 36, 50

Tokoh Guru Pahang, 4, 25, 35

Tokoh Kepimpinan Guru, 35

### **P**

Pengarah, 14, 15, 16, 17, 18, 35

### **U**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 10